



# **KERATAN AKHBAR ISU-IS INTEGRITI 2024 (JULAI)**

**UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN MJB**



# BERITA HARIAN

01.07.2024

(ISNIN)

## Minta suapan RM60,000 tutup kes kesalahan menipu

**Kuala Lumpur:** Suruhan-aya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur menahan seorang anggota penguat kuasa pada Jumaat kerana disyaki meminta wang suapan sebanyak RM60,000 daripada seorang individu sebagai alasan bagi menutup kes

**“Suspek menghilangkan diri selepas mengarahkan individu itu menunggu di lokasi tidak jauh dari restoran bagi menyerahkan wang rasuah yang diminta”**

*Sumber*

melibatkan kesalahan menipu.

Sumber SPRM berkata lelaki berusia 40-an itu ditahan pada 11 malam di sekitar ibu kota.

Menurut sumber berkenaan suspek telah berjumpa individu itu di sebuah restoran di sini tetapi

menghilangkan diri selepas mengarahkan individu itu menunggu di lokasi tidak jauh dari restoran bagi menyerahkan wang rasuah yang diminta.

“Suspek bagaimanapun berjaya ditahan dan dilepaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM10,000 dengan

seorang penjamin selepas keterangannya direkodkan,” kata sumber itu.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Husin mengesahkan tangkapan itu dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



# BERITA HARIAN

04.07.2024

(KHAMIS)

## 2 lagi kena reman kes rasuah projek lebuhraya

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua lagi individu membabitkan seorang pengerusi dan pengarah syarikat sub kontraktor kerana dipercayai terbabit rasuah bagi pembinaan satu projek lebuhraya di Lembah Klang bernilai lebih RM1 bilion.

Suspek yang juga pengerusi syarikat bergelar Datuk direman lima hari bermula kelmarin hingga Sabtu ini, manakala pengarah syarikat pula direman tiga hari hingga hari ini.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, kelmarin.

Sumber berkata, kedua-dua suspek adalah lelaki berusia lingkungan 40-an hingga 50-an ditahan antara jam 9 hingga 12 tengah malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Laporan Ketua Audit Negara 2/2024

# SPRM mula siasat isu HRD Corp labur levi RM3.77 bilion



SPRM sudah terima maklumat dan dokumen yang berkaitan laporan audit terhadap HRD Corp. (Foto hinsani)

**KESUMA tak akan halang jika ada mana-mana pihak berkaitan ingin jalankan siasatan**

Oleh Ilah Hafiz Aziz, Farah Marshita Abdul Patah dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) memberi jaminan tidak akan berkompromi dengan sebarang tindakan yang bertentangan undang-undang susulan penemuan dan teguran oleh Jabatan Audit Negara (JAN) dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) terhadap agensi di bawahnya.

Menterinya, Steven Sim, berkata KESUMA tidak menghalang jika ada mana-mana pihak berkaitan yang ingin melakukan siasatan lanjut susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 yang diterbitkan kelmarin.

Sehubungan itu, beliau sudah mengarahkan Ketua Setiausaha

**HRD Corp dikesan labur RM3.77b hasil kutipan levi**



Keratan akhbar BH, semalam.

KESUMA, Datuk Seri Khairul Dzalmee Daud dan Ketua Eksekutif (CEO) HRD Corp, Datuk Shahul Hameed Dawood untuk melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai segala penemuan dalam LKAN.

"KESUMA mengambil serius laporan oleh LKAN dan PAC. Proses pengauditan itu terhadap operasi HRD Corp dari 2019 hingga 2023," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sim berkata, beliau dimaklumkan mengenai proses pengauditan ketika mengambil alih portfolio kementerian pada pertengahan Disember tahun lalu dan mengarahkan KESUMA serta HRD Corp memberikan kerjasama penuh.

**Mula proses rekayasa**

Selain itu, beliau berkata, pihak

nya sudah memulakan proses rekayasa merentasi kementerian bagi memastikan tatakelola dalam yang cekap.

"Rekayasa di peringkat HRD Corp juga dilaksanakan untuk memastikan isu yang dibangkitkan dalam LKAN dan PAC tidak berulang," katanya.

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, dalam LKAN 2/2024 kelmarin berkata KESUMA disyorkan merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan ekoran kegagalan syarikat kerajaan itu dalam audit yang dibuat.

Wan Suraya berkata, terdapat tindakan serta keputusan yang diambil oleh pengurusan HRD Corp tidak mematuhi prosedur dan tidak menjaga kepentingan dalam mencapai fungsi penubuhan syarikat dan KESUMA perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan HRD Corp bagi ketidakteraturan yang dikenal pasti.

PAC pula mengesan sejumlah

RM3.77 bilion hasil kutipan levi daripada majikan digunakan dalam pelbagai aktiviti pelaburan.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, berkata matlamat penubuhan HRD Corp adalah bagi peneanaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi maksud penggalakan latihan dan pembangunan kerja, perantis dan pelatih serta penubuhan dan pentadbiran kumpulan wang.

Namun, katanya PAC mendapati HRD Corp yang bukan sebuah institusi pelaburan, melabur dalam pelbagai aktiviti itu dengan menggunakan wang levi seperti 'put and call option' yang dianggap berisiko tinggi dan boleh terdedah kepada kerugian besar.

Sementara itu, SPRM dalam kenyataannya berkata, agensi antirasuah itu akan meneliti keseluruhan dokumen membabitkan isu pengurusan HRD Corp untuk mencari kewujudan

elemen rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.

"Selain kesalahan jenayah, kita juga akan meneliti isu kelemahan tatakelola yang dibangkitkan dalam LKAN 2/2024," katanya.

Menurut SPRM, pihaknya sudah menerima maklumat serta beberapa dokumen yang berkaitan laporan audit terhadap HRD Corp yang diserahkan Khairul Dzalmee semalam.

## Ralat

**Merujuk berita bertajuk 'Kerajaan dapat bayaran balik RM100j hasil audit 3 tahun' di muka surat 4, akhbar BH semalam, kenyataan pada perenggan ke-10 sepatutnya merujuk 'pengurusan wang awam' dan bukan seperti dilaporkan. - Pengarang**



# BERITA HARIAN

06.07.2024

(SABTU)

# 'Tiada pegawai HRD Corp digantung tugas'

**Putrajaya:** Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), semalam menyerahkan laporan mengenai isu membabitkan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Laporan mengenai isu dibangkitkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) itu diserahkan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud dan Ketua Eksekutif (CEO) HRD Corp, Datuk Shahul Hameed Dawood di Ibu Pejabat

SPRM, di sini kira-kira jam 11 pagi.

Ditemui media selepas menyerahkan laporan itu, Khairul Dzaimie berkata, laporan itu diserahkan kepada SPRM selaras syor dikemukakan dalam LKAN supaya kementerian melaporkan kepada agensi penguatkuasaan berkaitan.

"SPRM beri jaminan siasatan adil dan profesional akan dilaksanakan segera (berhubung isu ini)," katanya.

Ditanya sama ada terdapat pegawai HRD Corp digantung susulan penemuan LKAN, Khairul Dzaimie berkata: "Tidak

ada. Sekiranya *domestic inquiry* (siasatan dalaman) diwujudkan (barulah) pegawai digantung sementara.

"Oleh kerana ini siasatan oleh SPRM, tidak perlu mana-mana pegawai ditahan tugas atau digantung sementara".

Kelmarin, Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, dalam LKAN 2/2024 berkata KESUMA disyorkan merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguatkuasaan berkaitan berikutan kegagalan syarikat kerajaan itu dalam audit yang dibuat.

Wan Suraya berkata, terdapat

tindakan serta keputusan yang diambil oleh pengurusan HRD Corp tidak mematuhi prosedur dan tidak menjaga kepentingan dalam mencapai fungsi penubuhan syarikat dan KESUMA perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan HRD Corp bagi ketidakteraturan yang dikenal pasti.

PAC turut dilapor mendedahkan sejumlah RM3.77 bilion hasil kutipan levi daripada majikan digunakan Program Latihan HRD Corp untuk melabur dalam pelbagai aktiviti pelaburan yang bukan matlamat penubuhan agensi itu.

Oleh kerana ini siasatan oleh SPRM, tidak perlu mana-mana pegawai ditahan tugas atau digantung sementara

**Khairul Dzaimie Daud,**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian  
Sumber  
Manusia



## BERITA HARIAN

06.07.2024

(SABTU)

Susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024

# SPRM kenal pasti individu bantu siasat isu HRD Corp

**Pasukan penyiasat akan dapatkan dokumen serta rakam keterangan pihak terbabit**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Farah Marhita Abdul Patah bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengenal pasti beberapa individu untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan berhubung isu Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata pasukan siasatan juga akan ke Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan HRD Corp pada Selasa ini bagi mendapatkan dokumen berkaitan.

"Kita sudah terima laporan audit yang dikemukakan oleh KSU (Ketua Setiausaha) KESUMA. Berdasarkan laporan audit itu, kita mengenal pasti beberapa isu yang memerlukan dokumen dan keterangan daripada pihak terbabit.

"Antaranya isu pelaburan, pengurusan dana dan latihan, pembelian harta dan sebagainya. Oleh itu, satu pasukan khas dibentuk dan beberapa kertas siasatan sudah dibuka," katanya sambil mengesahkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 dan 23 Akta SPRM 2009 menerusi satu kenyataan semalam.

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dalam LKAN 2/2024 pada Khamis lalu dilaporkan berkata, KESUMA disyorkan merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan susulan kegagalan syarikat kerajaan itu dalam audit yang dibuat.

Susulan itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim kelmarin mengarahkan KSU KESUMA, Datuk Sri Khairul Dzaimie Daud dan Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Hameed Dawood supaya membuat laporan kepada SPRM.

**Jejas kemahiran pekerja**

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kamarul Baharin Mansor, berkata tindakan HRD Corp membuat pelaburan menggunakan kutipan levi daripada majikan menjejaskan usa-

ha meningkatkan kemahiran pekerja di negara ini.

Katanya, tindakan HRD Corp itu juga tersasar daripada matlamat asal pembiayaan yang bertujuan mengumpul dana untuk program latihan meningkatkan kemahiran pekerja dan bukan tujuan lain.



Ahmad Khusairi Yahaya

HRD Corp yang terletak di bawah kelolaan KESUMA, bertanggungjawab mendorong aspirasi pengembangan bakat melalui pungutan levi daripada majikan dan pembiayaan program latihan serta pembangunan untuk tenaga kerja Malaysia.

Kamarul merujuk pendedahan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang mendapati sejumlah RM3.77 bilion hasil kutipan levi daripada majikan digunakan HRD Corp untuk melabur dalam pelbagai aktiviti pelaburan yang bukan matlamat dalam penubuhan agensi itu.

Khamis lalu, Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermeyati Samsudin dilaporkan berkata, penubuhan syarikat itu bagi pengesanan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia untuk maksud penggalakan latihan dan pembangunan kerja, perantis dan pelatih serta penubuhan dan pentadbiran kumpulan wang.

Menurut Kamarul, apa yang didedahkan PAC memang mengecewakan ketika aspek kemahiran bagi pekerja di negara ini masih berada pada tahap kurang memuaskan.

"Kita harap perkara ini disiasat dengan teliti sebagai pengajaran supaya tidak berulang pada masa akan datang," katanya kepada BH sambil menambah, permohonan untuk mengikuti program latihan dan pembangunan kerja juga perlu diperluaskan, bukan hanya melalui majikan.

Justeru, beliau melihat sudah tiba masanya program latihan meningkatkan kemahiran diperluas dengan memberi kelonggaran bagi permohonan secara individu dan juga kesatuan sekera.

"Peningkatan kemahiran juga harus seiring kemajuan teknologi, namun MTUC dimaklumkan ada pekerja yang berkhidmat 10 tahun tidak pernah dihantar mengikuti sebarang program atau kursus meningkatkan kemahiran," katanya.

Dalam laporan PAC, jawatankuasa itu juga mendapati kutipan levi direkodkan HRD Corp meningkat begitu ketara, iaitu RM2.134 bilion pada 2023 berbanding RM475 juta pada 2020.

Ia disebabkan perluasan Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001 (Akta PSMB 2001) pada 1 Mac 2021 di mana kensan levi telah diwajibkan kepada semua sektor industri.



**BERITA HARIAN**

**07.07.2024**

**(AHAD)**

## Pengarah syarikat buat tuntutan palsu RM527,375 ditahan SPRM

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah syarikat disyaki mengemukakan dokumen tuntutan bayaran

palsu RM527,375.

Sumber SPRM berkata, lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan jam 3 petang kelmarin, di Kuala Terengganu, Terengganu.

"Lelaki itu dipercayai melakukan perbuatan terbabit sekitar 2016.

"Dia mengemukakan dokumen tuntutan pembayaran palsu iaitu resit dan

penyata bank pembelian peralatan padi kepada sebuah agensi kerajaan untuk memperoleh geran berjumlah RM527,375 sedangkan pembelian tidak pernah di-

buat," katanya.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes

disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Bagaimanapun, beliau berkata, suspek dibebaskan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan.



# HARIAN METRO

08.07.2024

(ISNIN)



# HARIAN METRO

10.07.2024

(RABU)



EMPAT pegawai SPRM keluar dari pejabat HRD Corp, semalam.

## SIASATAN HRD CORP

### Lima pegawai SPRM ambil dokumen

**Kuala Lumpur:** Lima individu dipercayai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hadir ke pejabat Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) di Jalan Beringin, di sini, semalam. Lima pegawai terbabit dilihat tiba di lokasi ber-

kenaan menaiki dua kenderaan berasingan kira-kira jam 11.30 pagi. Kehadiran pegawai berkenaan dipercayai bagi mengambil dokumen berhubung beberapa penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) membabitkan agensi itu baru-baru

ini. Terdahulu Harian Metro melaporkan beberapa individu sudah dikenal pasti dan akan diambil keterangan bagi membantu siasatan berhubung pendedahan LKAN. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanja-

ya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya dilaporkan berkata, pihaknya sudah menerima laporan audit yang dikemukakan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (Kessuma), Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud.



PAC dedah HRD Corp labur RM3.77 bilion hasil kutipan levi

# SPRM ambil dokumen dari KESUMA, HRD Corp

## Tindakan dipercayai sebahagian proses siasatan berkait pendedahan LKAN

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pasukan penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil dokumen dari Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp), dipercayai sebahagian proses siasatan berkait HRD Corp seperti didekahkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024, minggu lalu.

Sepasukan anggota dan pegawai agensi antirasuah yang berpakaian preman itu, tiba di bangunan KESUMA di Putrajaya, kira-kira jam 11.20 pagi semalam, sebelum keluar membawa beg dipercayai berisi dokumen berkaitan HRD Corp, sejam kemudiannya.

Difahamkan, anggota dan pegawai terbabit dipecahkan kepada dua pasukan dengan satu daripadanya ke Tingkat 4 yang

menempatkan Bahagian Pengambilan Pekerja Asing, manakala satu lagi ke Tingkat 7 yang menempatkan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan.

Ketika dihampiri media, seorang daripada pegawai terbabit memaklumkan tugas mereka belum selesai dan akan hadir lagi ke kementerian itu nanti.

Sementara itu, sepasukan 10 pegawai SPRM termasuk seorang wanita, tiba secara berperingkat mulai jam 11.30 pagi dengan menaiki empat kenderaan sebelum memasuki Ibu Pejabat HRD Corp di Bukit Damansara, dekat sini.

Selepas hampir enam jam, mereka dilihat meninggalkan bangunan HRD Corp di dengan membawa bersama tiga kotak dipercayai berisi dokumen berkaitan agensi di bawah KESUMA itu.

Sumber SPRM memberitahu, kehadiran pasukan penyiasat SPRM ke Ibu pejabat HRD Corp dan KESUMA adalah untuk mengambil dokumen berkaitan transaksi pelaburan.

"SPRM akan meneliti sejauh mana kesahihan pelaburan yang dibuat dan adakah ia dibenarkan.

"SPRM akan meneliti terlebih dahulu dokumen yang diperolehi sebelum tindakan lanjut termasuk merekod keterangan saksi yang berkaitan," kata sumber itu.



Empat pegawai SPRM keluar dari Bangunan Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya, semalam.

(Foto Ezzoni Shamsudin/BH)

\*Sabtu lalu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, mengesahkan agensi itu sudah menerima laporan audit yang dikemukakan Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Seri Khairul Dzaimée Daud, sehari sebelumnya.

Beliau dilaporkan berkata, berasaskan laporan audit terbabit, SPRM mengenal pasti beberapa isu yang memerlukan dokumen dan keterangan daripada pihak terbabit.

"Antaranya isu pelaburan, pengurusan dana dan latihan, pembelian harta dan sebagainya. Oleh itu, satu pasukan khas telah dibentuk dan beberapa kertas siasatan telah dibuka," katanya.

Beliau berkata, beberapa individu sudah dikenal pasti dan akan diambil keterangan bagi membantu siasatan yang dijalankan mengikut Seksyen 18 dan 21 Akta SPRM 2008.

### Kegagalan patuhi prosedur

Khamis lalu, Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, dalam LKAN 2/2024 mengesyorkan agar KESUMA merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguatkuasaan berkaitan berikutan kegagalan syarikat kerajaan itu dalam audit yang dibuat.



Pegawai penyiasat SPRM membawa keluar kotak yang berisi dokumen dari Menara HRD Corp, di Bukit Damansara, Kuala Lumpur, petang semalam.

(Foto Mohamad Shahrif Badri Saali/BH)

Wan Suraya berkata, ada tindakan serta keputusan yang diambil pengurusan HRD Corp tidak mematuhi prosedur dan tidak menjaga kepentingan dalam mencapai fungsi penubuhan syarikat dan KESUMA perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan HRD Corp bagi ketidakteraturan yang dikenal pasti.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada hari sama mendedahkan, sejumlah RM3.77 bilion hasil kutipan levi daripada

majikan, digunakan HRD Corp untuk melabur dalam pelbagai aktiviti pelaburan yang bukan matlamat penubuhan agensi itu.

Berikutan itu, Menteri KESUMA, Steven Sim mengarahkan Khairul Dzaimée dan Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood membuat laporan kepada SPRM, selaras syor dalam LKAN Siri 2/2024 dan PAC.

Sim menegaskan, KESUMA tidak akan berkompromi dengan sebarang tindakan yang bertentangan dengan undang-undang.



# BERITA HARIAN

10.07.2024

(RABU)



# BERITA HARIAN

10.07.2024

(RABU)

## Siasatan fokus tiga elemen kesan salah laku

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan tumpuan siasatan terhadap Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) membabitkan isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, berkata siasatan terhadap agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) itu adalah mengikut Akta SPRM 2009.

"SPRM (pegawai) sudah hadir

di KESUMA dan HRD Corp bagi dapatkan dokumen untuk siasatan pada tengah hari tadi (semalam).

"Siasatan adalah tertumpu kepada isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di bawah Akta SPRM 2009," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Hishamuddin juga berkata, buat masa ini belum ada mana-mana individu diambil keterangan.

Begitupun, beliau tidak menolak kemungkinan akan me-

manggil saksi berkaitan dalam tempoh terdekat.

"Setakat ini belum ada saksi yang dirakam percakapan tetapi SPRM tidak menafikan akan memanggil saksi-saksi dalam masa terdekat selepas se-makan dokumen dilakukan," katanya.

Terdahulu, beberapa anggota dan pe-



Hishamuddin Hashim

gawai SPRM mengunjungi KESUMA di sini, dan di Ibu Pejabat HRD Corp di Bukit Damansara, Kuala Lumpur bagi mengambil beberapa dokumen berkaitan bagi membantu siasatan.

Kunjungan pegawai SPRM ke KESUMA dan HRD Corp itu dipercayai ada kaitan dengan kenyataan Jawatankuasa Ki-

ra-Kira Wang Negara (PAC) yang mendapati agensi itu mengguna kutipan levi RM3.77 bilion untuk aktiviti pelaburan.

PAC mendapati HRD Corp yang bukan sebuah institusi pelaburan, melabur dalam pelbagai aktiviti pelaburan dengan menggunakan wang levi seperti 'put and call option'.

Pelaburan ini menurut PAC adalah berisiko tinggi dan boleh mendedahkan HRD Corp kepada kerugian besar.

## Harap saya diberi keputusan adil – Muhyiddin

**PUTRAJAYA** - Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berpuas hati dengan dengan perjalanan mahkamah pada Selasa berhubung semakan kehakiman bagi mencabar keputusan yang mengarahkan kes rasuah yang dihadapinya dikembalikan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Beliau berkata, pasukan peguamnya telah berhujah dengan tepat dan mengharapkan hakim akan memberi pertimbangan secara bijaksana.

"Bagi saya adalah sesuatu yang amat penting dan diharapkan dengan perjalanan sistem kehakiman berdasarkan undang

-undang saya akan dapat layanan yang adil dan saksama," katanya pada sidang akhbar di Mahkamah Putrajaya pada Selasa.

Mahkamah Rayuan menetapkan 20 Ogos depan sebagai keputusan permohonan semakan kehakiman Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mencabar keputusan Mahkamah Rayuan sebelum ini.

Tarikh tersebut ditetapkan oleh Hakim Datuk Azizah Nawawi yang mengetuai lima panel ber-



MUHYIDDIN

sidang pada Selasa.

Ia berkaitan keputusan Mahkamah Rayuan pada Februari lalu yang mengarahkan kes rasuah berjumlah RM232.5 juta dihadapi Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu dikembalikan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di

Putrajaya antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021.

Pemimpin Bersatu itu juga berdepan dua pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM195 juta daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke akaun CIMB Bank milik Bersatu.

Muhyiddin juga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 13 Mac lepas tahun lepas atas pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta dan kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sini untuk dibicarakan bersama.



# SINAR HARIAN

10.07.2024

(RABU)

# Hadir enam jam, ambil tiga kotak dokumen



Penyasat SPRM membawa keluar tiga kotak dipercayai berisi dokumen dari bangunan HRD Corp pada Selasa.



SPRM turut hadir ke Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya bagi mendapatkan dokumen berkaitan isu HRD Corp.

SPRM kunjungi pejabat HRD Corp dan Kesuma ambil dokumen bagi bantu siasatan

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**  
**KUALA LUMPUR**



Laporan muka depan Sinar Harian pada 6 Julai lalu.

**S**elepas hampir enam jam memasuki bangunan pejabat Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) di Jalan Beringin di sini, sepasukan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilihat keluar dari bangunan itu jam 5.45 petang.

Sepasukan anggota dan pegawai SPRM tersebut dilihat membawa bersama tiga buah kotak dipercayai berisi dokumen berkaitan HRD Corp yang dikaitkan dengan pendedahan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024.

Terdahulu, pasukan terdiri daripada 10 anggota dan pegawai termasuk seorang wanita dengan menaiki empat kenderaan berasingan tanpa logo SPRM mula tiba pada jam 11.30 pagi dengan masing-masing memakai kemeja berkot.

Sinar Harian melaporkan beberapa orang penyasat SPRM turut mengambil dokumen dari Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) di Putrajaya pada Selasa.

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM,



Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan kehadiran kumpulan penyasat di dua lokasi tersebut bagi mendapatkan dokumen berkaitan untuk tujuan siasatan.

"SPRM telah hadir di Kesuma dan HRD Corp untuk mendapatkan dokumen-dokumen untuk siasatan pada tengah Selasa.

"Fokus siasatan tertumpu kepada isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di bawah Akta SPRM 2009," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sabtu lalu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya dilaporkan berkata, pihaknya sudah mengenal pasti beberapa individu untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan berhubung isu HRD Corp.

Sebelum ini, Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dalam LKAN 2/2024 dilaporkan berkata Kesuma disyorkan merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan susulan kegagalan syarikat kerajaan itu dalam audit berkenaan.



# SINAR HARIAN

10.07.2024

(RABU)

## Adam Radlan kemuka representasi kes rasuah

**KUALA LUMPUR** - Pihak yang mewakili Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut memberitahu Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa bahawa Adam Radlan Adam Muhammad telah mengemukakan representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) minggu lalu.

Bagaimanapun peguam, Datuk Seri Rajan Navaratnam yang mewakili Adam Radlan, 43, tidak mendedahkan butiran laporan itu ketika prosiding di hadapan Hakim, Suzana Hussin.

Rajan berkata, representasi itu ialah membabitkan lima kes rasuah berhubung projek Jana Wibawa dan tujuh kes pengubahan wang haram (AMLA).

Menurutnya, pembelaan telah menghantar dokumen terbabit kepada AGC Khamis lalu.

Katanya, pihak pendakwaan mungkin memerlukan masa untuk meneliti serta mengkaji representasi terbabit.

"Kami mohon penangguhan perbicaraan kes dan saya percaya pendakwaan memerlukan masa sebulan.

"Ini merupakan representasi pertama Adam Radlan, maka tempoh sebulan adalah munasabah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Farah Yasmin Salleh mengesahkan pihaknya telah menerima dokumen terbabit pada Jumaat minggu lalu.

Menurutnya, pendakwaan memerlukan masa untuk meneliti dan kaji permohonan sebelum dirujuk kepada AGC.

Selepas mendengar permohonan daripada semua pihak, mahkamah membenarkan penangguhan perbicaraan sepanjang bulan ini.

Hakim menetapkan keputusan representasi pada 6 Ogos depan namun sekiranya representasi ditolak, mahkamah mengarahkan perbicaraan dibuat pada 7 Ogos.



# SINAR HARIAN

10.07.2024

(RABU)

PAC dedah HRD Corp labur RM3.77 bilion hasil kutipan levi

# SPRM rakam keterangan 10 kakitangan HRD Corp

Pasukan akan ke kementerian bagi dapatkan dokumen berkaitan

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya 10 kakitangan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) dipanggil untuk dirakam keterangan di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya, semalam.

Sumber memaklumkan, enam daripadanya tiba dan masuk ke bangunan SPRM sekitar jam 10 pagi, manakala empat lagi dikatakan tiba lewat sedikit.

Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, mengesahkan 10 kakitangan HRD Corp dipanggil memberi ke SPRM Putrajaya untuk proses rakam keterangan yang bermula jam 10 pagi.



**Kepincangan didedah LKAN**  
Siasatan SPRM terhadap HRD Corp dijalankan susulan kepincangan didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKN) 2/2024 dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Sabtu lalu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, dilaporkan berkata, pihaknya sudah mengenal pasti beberapa individu untuk diambil keterangan bagi

membantu siasatan berhubung isu HRD Corp seperti didedahkan dalam LKN 2/2024 itu.

Beliau berkata, pasukan siasatan juga akan ke Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) di Putrajaya dan HRD Corp bagi mendapatkan dokumen berkaitan.



## BERITA HARIAN

12.07.2024

(JUMAAT)



**HARIAN METRO**

**12.07.2024**

**(JUMAAT)**

Oleh Suraya Roslan  
surayaroslan@mediapri-  
ma.com.my

**SALAH GUNA KUASA UNTUK MENDAPATKAN SUAPAN**

# Pempengaruh suami isteri **direman** 4 hari

Putrajaya:

Pasangan suami isteri yang juga pempengaruh yang tular berhubung kes derma awam direman empat hari oleh Mahkamah Majistret di sini bermula semalam bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa untuk mendapatkan suapan.

Turut direman, dua lagi lelaki iaitu pengarah dan pemegang saham terbesar platform kutipan derma berkalt kes yang sama.

Majistret frza Zulaikha Rohanuddin mengeluarkan perintah terhadap pasangan yang mencipta kontroversi berhubung masalah rumah tangga itu, selepas membenarkan permohonan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lelaki berusia 30 tahun dan isterinya yang berusia 26 tahun dilihat memakai baju lokap berwarna oren kelihatan tenang dan sempat melemparkan senyuman kepada pengamal media ketika dibawa ke mahkamah pada jam 9.19 pagi dalam keadaan bergari.

Sementara itu, peguam, Ahd Rahim Ali yang mewakili pasangan itu berkata, pihak SPRM membuat permohonan reman selama tujuh hari namun mahkamah membenarkan perintah tahanan sehingga Ahad ini.

Menurutnya, siasatan kes dibuat mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009, iaitu membabitkan kesala-



PEGAWAI SPRM membawa pasangan suami isteri yang juga pempengaruh untuk direman di Mahkamah Majistret Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

han menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan.

Katanya, seksyen itu menyangkut kes bagi mana-mana pegawai badan

awam yang menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan, sama ada

bagi dirinya sendiri, saudara atau sekutu, melakukan suatu kesalahan.

"Dua anak guam saya ditahan bukan membabitkan penyelewengan kutipan bantuan, sebaliknya kes salah guna kuasa mengikut Seksyen 23 (1) akta itu.

"Oleh itu, kami membuat bantahan, sebab tak kena dengan seksyen yang dipohon oleh SPRM, hakikatnya mereka bukan seorang penjawat awam," katanya yang turut disertai peguam, Abi Mursyidin Awal dan Fithril Hakim Ab Jalil.

Semalam, media melaporkan pasangan suami isteri itu ditahan SPRM pada jam 6.40 petang bagi membantu siasatan selepas didakwa membuat kutipan derma melebihi jutaan ringgit namun wang itu tidak disalurkan secara betul.

Sebelum ini, pempengaruh terbabit menerusi peguamnya menafikan semua dakwaan penyelewengan dan pecah amanah membabitkan dirinya seperti yang tular di media sosial baru-baru ini.

Pasangan suami isteri itu turut menegaskan dia dan suami tidak pernah menggunakan wang itu untuk tujuan peribadi.

**"Dua anak guam saya ditahan bukan membabitkan penyelewengan kutipan bantuan, sebaliknya kes salah guna kuasa mengikut Seksyen 23 (1) akta itu"**

Abd Rahim Ali



# HARIAN METRO

12.07.2024  
(JUMAAT)

**Putrajaya:** Sepuluh individu hadir untuk dirakam keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, semalam bagi membantu siasatan isu membabitkan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp).

Siasatan dijalankan susulan pendedahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2024 dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Kira-kira jam 10 pagi semalam, enam daripada individu terbabit dilihat tiba di ibu pejabat agensi itu.

Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, SPRM menjangkakan 10 individu daripada HRD Corp dan Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) dijadual diambil keterangan, semalam.

"Ada dalam kalangan in-

## ISU PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (HRD CORP)

### SPRM rakam keterangan 10 individu



Proses mengambil keterangan sepatutnya dibuat kelmarin, tetapi ditangguhkan kepada semalam"

Hishamuddin Hashim

dividu berkaitan memohon untuk datang sedikit lewat (jam 11 ke atas) disebabkan urusan masing-masing namun kesemuanya akan hadir hari ini (semalam) bagi dirakam keterangan.

"Proses mengambil keterangan sepatutnya dibuat kelmarin, tetapi di-



tangguhkan kepada semalam," katanya dihubungi.

Tinjauan Harian Metro mendapati pengamal me-

dia mula berkumpul di luar bangunan SPRM sejak jam 9 pagi bagi membuat liputan kes berkenaan.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan pada Rabu lalu sepasukan penyiasat SPRM memasuki ibu pe-

jabat HRD Corp di Jalan Beringin, Bukit Damansara, jam 2.30 petang dan beredar dari lokasi itu dua jam kemudian.

Sementara itu, pada Selasa lalu, pegawai penyiasat SPRM dilaporkan sudah mengambil dokumen dari pejabat HRD Corp dan Kesuma.

Khamis lalu, Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dalam laporan LKAN Siri 2/2024 mengesyorkan Kesuma merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguatkuasaan berkaitan susulan kegagalan syarikat terbabit dalam audit itu.

PAC pada hari sama pula mendedahkan, sejumlah RM3.77 bilion hasil kutipan levi daripada majikan digunakan HRD Corp untuk melabur dalam pelbagai aktiviti pelaburan yang bukan matlamat penubuhan agensi itu.





**HARIAN METRO**  
 13.07.2024  
 (SABTU)

SUSULAN HANYIR LUBUK DOSA

# RISIK, TANGKAP PENGUAT KUASA MAKAN RASUAH

Oleh Skwad Khas Harian Metro  
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah menjalankan risikan dan tangkapan ke atas beberapa anggota penguat kuasa berkaitan kewujudan kegiatan pelacuran, rumah urut haram dan perjudian di beberapa lokasi di ibu kota, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, kewujudan premis pelacuran dan perjudian haram memberikan petunjuk bahawa wujudnya kegiatan melindungi pusat itu oleh agensi-agensinya yang bertanggungjawab.

"Malah, risikan yang dibuat SPRM ke atas beberapa anggota penguat kuasa baru-baru ini menunjukkan bahawa ia mendapat perlindungan penguat kuasa yang terlibat," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa isu ini tidak pernah selesai walaupun dan tangkapan dilakukan oleh pihak berkuasa yang

bertanggungjawab berikutan ada segelintir anggota penguat kuasa yang dipercayai menerima sogokan sebagai balasan untuk melindungi premis-premis itu.

"SPRM akan terus menjalankan risikan dan tangkapan ke atas mana-mana pegawai agensi penguatkuasaan yang terbabit," katanya.

Beberapa operasi risikan khas SPRM seperti Op Relax dan Op Jejak yang dijalankan sejak 2019 secara *undercover* berjaya membawa tangkapan dan pertuduhan ke atas anggota penguat kuasa daripada pelbagai agensi kerana melindungi kegiatan rumah urut tanpa lesen yang menjalankan aktiviti pelacuran.

Terdahulu, isu terbabit turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang percaya wujudnya elemen rasuah berkaitan isu lubuk pelacuran di ibu negara yang masih tidak selesai sejak sekian lama.

Dalam isu pelacuran di Kuala Lumpur, beliau meyakini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan melakukan siasatan membabitkan pi-



## Elemen rasuah dorong lubuk pelacuran



**D**ititik tolak, agensi penguatkuasaan berikutan ada segelintir anggota penguat kuasa yang dipercayai menerima sogokan sebagai balasan untuk melindungi premis-premis itu.

SPRM akan terus menjalankan risikan dan tangkapan ke atas mana-mana pegawai agensi penguatkuasaan yang terbabit. Beberapa operasi risikan khas SPRM seperti Op Relax dan Op Jejak yang dijalankan sejak 2019 secara undercover berjaya membawa tangkapan dan pertuduhan ke atas anggota penguat kuasa daripada pelbagai agensi kerana melindungi kegiatan rumah urut tanpa lesen yang menjalankan aktiviti pelacuran.

LAPORAN Harian Metro, semalam

hak berkuasa tempatan (PBT).

Beliau berkata demikian ketika diajukan soalan oleh Skwad Khas Harian Metro mengenai isu lubuk kegiatan pelacuran di ibu ne-

gara yang sudah berdekad lamanya wujud dan tidak selesai dihapuskan sedangkan Indonesia berjaya menutup Dolly iaitu pusat persundalan terbesar Asia Tenggara terletak

di Surabaya. Harian Metro pada 22 Jun lalu menerusi laporan eksklusif bertajuk 'Hanyir Lubuk Dosa' mendedahkan

lubuk kegiatan pelacuran tertua sekitar Pudu, Kuala Lumpur termasuk pelacur yang bersepeh mencari pelanggan di sebuah medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong diserbu.

Polis menyerbu medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong serta menahan 27 individu termasuk pelayan pelanggan (GRO) dan pelacur.

Serbuan dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman itu hasil pendedahan eksklusif Harian Metro sebelumnya berkaitan kegiatan medan selera menawarkan khidmat seks serendah RM100.

Susulannya itu, pada 27 Jun lalu polis mendedahkan mengenai pasti empat lokasi yang dijadikan sarang pelacuran di sekitar ibu kota yang menawarkan khidmat seks dengan harga murah kepada pelanggan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa dilaporkan berkata, antara lokasi yang dikesan itu ialah Jalan Petaling, Jalan Gelang, Jalan Padu dan Hotel Richmoore.

# Penguat kuasa lindungi rumah pelacuran

SPRM tahan anggota penguat kuasa sekongkol dengan sindiket pelacuran di ibu kota

Oleh HISYAMUDDIN AYUB  
PUTRAJAYA

Beberapa anggota penguat kuasa ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini kerana disyaki menerima imbuhan dan bersekongkol dengan sindiket pelacuran.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, pihaknya telah menjalankan risikan berhubung aktiviti pelacuran di ibu kota dan tindakan serbuan dilakukan bagi membanteras perbuatan jelik tersebut.

Menurut beliau, tangkapan ke atas beberapa anggota penguat kuasa terbabit kerana disyaki terlibat melindungi kewujudan kegiatan pelacuran, rumah urut haram dan pusat perjudian di beberapa lokasi di ibu kota.

"Kewujudan premis-premis pelacuran dan perjudian haram memberi petunjuk bahawa wujudnya kegiatan melindungi pusat-pusat tersebut oleh agensi-agensi penguat kuasa yang bertanggungjawab.

"Risikan yang dibuat SPRM baru-baru ini menunjukkan bahawa ia mendapat perlindungan penguat kuasa yang terlibat," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Jelas beliau, kedua-dua isu tersebut tidak pernah selesai walaupun banyak serbuan dan tangkapan dilakukan pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

Ini kerana katanya, ada segelintir anggota penguat kuasa yang dipercayai menerima sogokan sebagai balasan untuk me-

“

SPRM akan terus menjalankan risikan dan tangkapan ke atas mana-mana pegawai agensi penguatkuasaan yang terlibat.”

- Ahmad Khusairi

lindungi premis-premis tersebut. "SPRM akan terus menjalankan risikan dan tangkapan ke atas mana-mana pegawai agensi penguatkuasaan yang terlibat," tegasnya.

Menurut beliau, beberapa operasi risikan khas SPRM seperti Ops Relax dan Ops Jejak yang dijalankan sejak 2019 secara penyamaran telah berjaya membawa tangkapan dan pertuduhan ke atas anggota penguat kuasa.

Jelasnya, tangkapan dan pertuduhan yang membabitkan pelbagai agensi itu dibuat kerana golongan itu dipercayai melindungi kegiatan rumah urut tanpa lesen yang menjalankan aktiviti pelacuran.



AHMAD KHUSAIRI



SINAR HARIAN

13.07.2024

(SABTU)

## Sindiket pelaburan ayam kampung janji pulangan RM13 sebulan

**KUALA LUMPUR** - Sindiket penipuan pelaburan ayam kampung ditumpaskan susulan penahanan 11 individu dalam serbuan di beberapa negeri pada 26 Jun lalu.

Serbuan dilakukan di Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Melaka, Terengganu dan Labuan.

Seramai lapan lelaki dan tiga wanita berusia 38 hingga 56 tahun yang ditahan itu dipercayai pengasas, pengarah, setiausaha, kerani, ejen dan sukarelawan yang menggunakan nama Pertubuhan Amal Kita Kinta, Perak.

Sindiket terbabit didapati menawarkan pelaburan minimum serendah RM250 dan menjanjikan pulangan sebanyak RM13 sebulan atau boleh ditukar dengan seekor ayam kampung.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, polis telah merampas 13 kenderaan pelbagai jenis bernilai RM2.9 juta, wang tunai RM1,000, 13 utas rantai



Pelbagai jenis kenderaan mewah yang dirampas membabitkan sindiket penipuan pelaburan ayam kampung.

emas, cincin emas (2), telefon bimbit (20) dan tablet (4).

"Tindakan sitaan turut dilaksanakan membabitkan 2,143 ekor kambing biri-biri baka shami serta 34 akaun bank dan unit amanah dengan nilai men-

cecah RM6.5 juta.

"Berdasarkan siasatan, sindiket ini beroperasi sejak awal tahun 2023 dengan menawarkan pelaburan kononnya berkaitan perniagaan ayam kampung," katanya dalam sidang

akhbar di Menara KPJ di sini pada Jumaat.

Tambahnya, wang pelaburan itu akan dimasukkan ke dalam akaun bank yang didaftarkan atas nama pertubuhan terbabit.

"Bagaimanapun, bermula September 2023, pelabur-pelabur tidak lagi menerima keuntungan yang dijanjikan," ujarnya.

Jelas beliau, sehingga kini, 85 laporan polis telah diterima di seluruh negara melibatkan skim pelaburan ini dengan nilai kerugian mencecah RM3.2 juta.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Operasi terbabit dilaksanakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Selain itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Kementerian Perdagangan

### Info:

- Sindiket tawar pelaburan minimum RM250 dan dijanjikan pulangan RM13 sebulan atau ditukar seekor ayam kampung
- 11 individu ditahan dalam serbuan di Perak, Selangor, KL, Melaka, Terengganu dan Labuan
- 85 laporan polis diterima dengan nilai kerugian mencecah RM3.2 juta

### A) Rampasan

- 13 kenderaan pelbagai jenis bernilai RM2.9 juta
- Wang tunai RM1,000
- 13 utas rantai emas, cincin emas (2), telefon bimbit (20), tablet (4)

### B) Sitaan

- 2,143 ekor kambing biri-biri baka shami
- 34 akaun bank dan Unit Amanah dengan nilai mencecah RM6.5 juta

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.



# SINAR HARIAN

13.07.2024

(SABTU)



# HARIAN METRO

15.07.2024

(ISNIN)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapat kebenaran menyambung reman empat individu termasuk pasangan suami isteri mempengaruhi yang ditahan pada 10 Julai lalu kerana disyaki terbabit penyelewengan dana derma awam.

Perintah sambung reman tiga hari sehingga 16 Julai ini dikeluarkan Majistret Siti Zahirah Zaidon selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah

## TERBABIT PENYELEWENGAN DANA DERMA AWAM

### SPRM sambung reman 4 individu tiga hari lagi

Majistret Putrajaya berikutan tempoh asal reman semua suspek tamat semalam.

Pada 10 Julai 2024, SPRM menahan semua suspek kerana disyaki terbabit penyelewengan dana derma awam.

Menurut sumber, semua suspek iaitu tiga lelaki dan

seorang wanita berusia antara 20-an hingga 30-ditahan antara jam 6.30 petang hingga 11 malam ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM.

Susulan penahanan itu,

semua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada 11 Julai 2024 dan perintah reman empat

hari sehingga 14 Julai lalu dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin.

"Suspek yang juga pasangan suami isteri dipercayai melakukan perbuatan itu sejak 2020 dengan menyeleweng kutipan derma yang tidak disalurkan dengan cara betul.

"Dianggarkan kutipan derma terbabit mencecah RM3 juta dan siasatan masih di peringkat awal dan

pada masa sama, dua lagi suspek turut ditahan kerana disyaki terbabit kes sama," katanya.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan hal itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Dianggarkan kutipan derma terbabit mencecah RM3 juta

## Empat individu termasuk mempengaruhi suami isteri disambung reman

**SHAH ALAM** - Empat individu termasuk pasangan suami isteri yang juga mempengaruhi yang sebelum ini ditahan 10 Julai lalu selepas disyaki terlibat penyelewengan derma disambung reman tiga hari pada Ahad.

Majistret Siti Zahirah Zaidon mengeluarkan perintah terhadap empat individu berkenaan selepas membenarkan permohonan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Permohonan reman berkenaan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya

berikutan tempoh asal reman kesemua suspek tamat pada Ahad.

Pada Rabu, pasangan suami isteri terbabit bersama dua lagi individu ditahan SPRM kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan dana derma awam.

Kesemua suspek terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 20-an hingga 30-an itu ditahan antara jam 6.30 petang hingga 11 malam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

Sementara itu, Pengarah Kanan

Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan sambungan tempoh reman tersebut.

Sebelum ini, timbul tanda tanya berhubung tular di media sosial mengenai seorang mempengaruhi yang dikatakan mengambil komisen daripada kutipan derma orang ramai dengan peratusan yang tinggi.

Selain itu, mereka juga didakwa hidup dalam kemewahan sehingga menimbulkan pelbagai tanda tanya daripada warga siber.



# SINAR HARIAN

15.07.2024

(ISNIN)

PAC dedah HRD Corp labur RM3.77 bilion hasil kutipan levi

# 2 pegawai kanan HRD Corp beri keterangan bercanggah

## Pendedahan PAC berhubung pembabitan syarikat urus acara program dalaman

Oleh Luqman Hakim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Laporan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan, berlaku percanggahan dalam keterangan daripada dua pegawai kanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp), berhubung pembabitan syarikat pengurusan acara yang sebelum ini dikatakan milik Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shahul Hamid Shaik Dawood.

Syarikat berkenaan, My Events, dilaporkan dimiliki oleh Shahul Hamid sebelum pelantikannya dalam HRD Corp pada April 2020.

Menurut laporan PAC, Ketua Pegawai Kewangan HRD Corp, Farizul Yahaya, memberitahu jawatankuasa itu pada 18 Januari lalu bahawa HRD Corp menggunakan syarikat pengurusan acara untuk menganjurkan beberapa program dalaman.

Farizul menamakan My Events sebagai salah satu syarikat terbabit dalam mengurus-

kan acara sebagai jawapan kepada pertanyaan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) yang juga Ahli Jawatankuasa PAC.

Sebaliknya, Shahul Hamid dalam keterangannya pula menafikan pembabitan My Events dalam penganjuran program HRD Corp, untuk mengelak konflik kepentingan, berikutan pernah memiliki syarikat itu pada masa lalu.

Menjawab pertanyaan Tze Tzin, Shahul Hamid memberitahu, yang beliau faham akan kebimbangan yang timbul, tetapi mengaku tidak akan membuat kesilapan berat seperti itu.

"Membenarkan My Events menguruskan acara HRD Corp akan mengundang konflik kepentingan dan saya sentiasa mengelak situasi sedemikian," kata laporan PAC memetik keterangannya.

Mengikut keterangan Shahul Hamid, beliau dengan tegas menyatakan bahawa My Events tidak terbabit dengan penganjuran sebarang acara untuk HRD Corp.

### Sungguh letak jawatan

Shahul Hamid juga menegaskan bahawa beliau sanggup untuk meletak jawatan dalam tempoh 24 jam jika terbukti sebaliknya.

Tambahnya, dakwaan sedemikian seharusnya disokong dengan bukti dan fakta yang menekankan pematuhan organisasi terhadap etika dan tatakelola korporat.

Sewaktu disoal ketika kemungkinan My Events terbabit sebagai subkontraktor, Shahul Hamid menjelaskan, meskipun kontraktor utama dalam industri mungkin mengenalinya kerana berpengalaman luas, beliau melarang keras syarikat pengurusan acara itu daripada menganjurkan acara untuk HRD Corp, walaupun untuk mengurangkan kos.

Jelas beliau, 70 hingga 80 peratus acara HRD Corp diuruskan secara dalaman dengan pembabitan pihak luar hanya untuk membekalkan peralatan diperlukan, sambil menambah semua prosedur terkandung dalam garis panduan perolehan diawasi ketua pegawai kewangan.

Dengan keterangan diberikan, laporan PAC mencatatkan percanggahan berlaku antara Shahul Hamid dan Farizul mengenai pembabitan My Events dengan HRD Corp.

Dalam penemuannya, PAC

sebelum ini merumuskan HRD Corp yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan pembangunan bakat Malaysia melalui levi majikan untuk program latihan, didapati kurang melakukan pengawasan dalam aktiviti pelaburannya.

PAC mendedahkan panel pelaburan gagal melaporkan kepada lembaga pengarah, sekaligus aktiviti itu membawa kepada pelaburan berisiko.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermeyati Samsudin, mendedahkan sejak 2017 lagi, tiada wakil daripada Bank Negara Malaysia (BNM) berada dalam panel pelaburan HRD Corp, yang melanggar Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001.

Laporan itu turut mendedahkan berlaku prosedur perolehan yang dikesan tidak teratur merangkumi pembelian tanah dan dokumentasi tidak lengkap yang diberikan kepada lembaga pengarah menerusi beberapa transaksi.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat isu dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2024, yang mengesyorkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguat kuasa ekoran kegagalan audit.

Selain itu, laporan sama turut mendedahkan berlaku kepincangan dalam pengurusan HRD Corp kerana ketidakpatuhan prosedur serta mengabaikan kepentingan syarikat.



Shahul Hamid Shaik Dawood



Farizul Yahaya



# BERITA HARIAN

16.07.2024

(SELASA)

# Ahli Parlimen gesa tindakan terhadap pengurusan tertinggi

**Kuala Lumpur:** Ahli Parlimen menggesa kerajaan bertindak terhadap pengurusan tertinggi Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) khususnya ketua pegawai eksekutif (CEO) susulan isu tadbir urus yang membelenggu agensi itu seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) minggu lalu.

Hassan Karim (PH-Pasir Gudang) menggesa CEO HRD Corp digantung tugas, sementara Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) pula menyarankan CEO diarah mengambil cuti sementara.

Hassan turut menggesa Menteri Sumber Manusia, Steven

Sim bertindak segera ke atas CEO agensi di bawah kementerianannya itu.

"Gantung kerja atau tamatkan pihak pengurusan, iaitu CEO berkaitan sebab beliau memegang dua jawatan, berada dalam lembaga pengarah dan panel pelaburan," katanya ketika membahaskan usul LKAN 2/2024 di Dewan Rakyat, semalam.

Tze Tzin pula berkata, arahan cuti sementara itu wajar bagi membolehkan siasatan membabitkan syarikat itu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika ini berjalan dengan lancar.

"Saya mahu cadangkan, ini

bukan menyentuh peribadi. Saya nak cadangkan perlu ada tindakan supaya CEO diberi cuti sementara siasatan sedang dijalankan. Kerana kita tahu bahawa ini juga untuk memulihkan keyakinan rakyat serta pencaharam terhadap HRD Corp.

"Harus ada tindakan supaya siasatan dapat dilaksanakan. Kalau betul-betul 'top management' (pengurusan tertinggi) dan CEO tidak bersalah, tiada masalah, boleh kembali (dibebanar bertugas). Tapi pada waktu sekarang, biarlah dulu agensi penguat kuasa laksana tugas mereka," katanya.

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

Gantung kerja atau tamatkan pihak pengurusan, iaitu CEO berkaitan sebab beliau memegang dua jawatan, berada dalam lembaga pengarah dan panel pelaburan



Hassan Karim,  
PH-Pasir  
Gudang

dalam LKAN 2/2024 minggu lalu mengesyorkan supaya pengurusan HRD Corp dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan ekoran kegagalan syarikat kerajaan itu dalam audit yang dibuat.



## BERITA HARIAN

16.07.2024

(SELASA)



# BERITA HARIAN

16.07.2024

(SELASA)

## MEF harap tadbir urus dana ditambah baik

**Kuala Lumpur:** Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) harus mengambil langkah sewajarnya, susulan penemuan audit dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) untuk menambah baik tadbir urus dananya, kata Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, semalam.

"Kami berharap penemuan audit ini akan menjadikan HRD Corp lebih kukuh dalam tadbir urus dana. Kami memerlukan orang yang lebih berkualiti dalam pengurusan, teknologi dan proses yang lebih baik," katanya.

Syed Hussain berkata demikian bagi mengulas penemuan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai kelemahan dalam pengurusan HRD Corp dengan tawaran hartanah yang meragukan dan pelaburan berisiko tinggi.

Menurut laporan, PAC juga berkata tiada wakil Bank Negara Malaysia (BNM) dalam panel pelaburan itu, ia bertentangan dengan Akta Dana Pembangunan Sumber Manusia 2001.

"Memandangkan dana semakin banyak, kami memerlukan lebih ramai orang berkaitan pelaburan yang cekap dalam jawatankuasa itu. Tindakan HRD Corp membolehkan mereka menubuhkan jawatankuasa pelaburan," katanya.

Syed Hussain berkata, menerusi pengurusan lebih baik dan menumpukan perhatian terhadap latihan dan pembangunan HRD Corp, ia akan menjadi antara yang terbaik di dunia.

"Sebagai ahli Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Kami tidak menemui mana-mana negara yang sudah menubuhkan dana sedemikian. Malaysia adalah peneraju dalam pembangunan bakat ini.

"Justeru, HRD Corp boleh menjadi lebih baik dan menjadi contoh untuk pembangunan sumber manusia," katanya.

Beliau berkata, walaupun siasatan sedang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berikutan penemuan PAC, pujian harus diberikan kepada HRD Corp untuk mencatatkan kedudukan kewangan yang stabil seperti yang diperakui dalam Laporan PAC 2/2024.

HRD Corp mencatatkan keuntungan terkumpul sebanyak RM389.95 juta setakat 31 Disember 2022.

Syed Hussain berkata, aspek kewangan HRD Corp yang stabil akan membantu memperkasakan semua program latihan modal insan yang diperlukan syarikat menjalankan operasi perniagaan di negara ini. **BERNAMA**





# SINAR HARIAN

16.07.2024

(SELASA)

## Dana derma awam: SPRM bekukan 20 akaun bernilai RM740,000

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan 20 akaun bank mem-babitkan nilai RM740,000 susulan siasatan penyelewengan dana derma awam melibatkan pasangan pem-pengaruh bersama dua lagi individu.

Menurut sumber, akaun-akaun yang dibekukan itu adalah akaun milik individu serta syarikat yang dipercayai mempunyai kait-an dengan dana yang diterima daripa-da orang ramai menggunakan satu platform kutipan derma secara dalam talian.



"Sejak siasatan dijalankan, SPRM menerusi Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) telah menyita dan membekukan hampir 20 akaun milik individu serta syarikat bagi membantu siasatan yang dijalankan.

"Kemungkinan akan ada beberapa lagi akaun perbankan yang akan turut disita serta dibekukan oleh SPRM," katanya pada Isnin.

Sementara itu, Pengarah AML SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin mengesahkan pembekuan beberapa akaun milik individu serta syarikat susulan siasatan SPRM terhadap pasangan pemengaruh terbabit.

Beliau berkata, sitaan dan pem-bekuan akaun-akaun terbabit dibuat mengikut Seksyen 44 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

# Operasi khas SPRM tahan PBT 'wayang'

Risikan, intipan dibuat sejak enam bulan lalu

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijangka akan melakukan operasi khas untuk mengesan pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) didakwa bersubahat dan melindungi kegiatan haram sekitar bandar besar seluruh negara, termasuk ibu negara.

Perkara itu disahkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, yang memaklumkan, sekurang-kurangnya dua operasi khas diatur oleh pihaknya dalam tempoh terdekat.

BH dimaklumkan, SPRM sudah menjalankan risikan sejak

enam bulan lalu selepas mengesan tindakan penguatkuasaan seolah-olah tidak serius atau 'sekadar wayang' dimainkan kakitangan PBT yang bersengkokol.

Tindakan itu menyebabkan kegiatan haram itu menjadi terlalu aktif seperti 'cendawan selepas hujan', walaupun laporan demi laporan didadu orang awam.

Difahamkan juga, intipan SPRM mendapati kegiatan rasuah berbentuk suapan bulanan menjadi antara punca tindakan tidak berkesan terhadap pemilik lesen 'Ali Baba'.

## Bocorkan maklumat

Penguat kuasa juga dikatakan bertindak secara bermusim dan seolah-olah berdiam diri terhadap beberapa kawasan tertentu, yang sememangnya diketahui



Ahmad Khusairi

umum menjalankan aktiviti itu.

Risikan SPRM turut mendapati, perniagaan berskala kecil seperti penjaja dan kedai yang kini dimonopoli warga asing disyaki dilindungi penguat kuasa agar perniagaan disewakan pemilik sah tidak dikenakan tindakan.

Antara lokasi dikenal pasti adalah sekitar kawasan pasar di Kuala Lumpur, yang masih dimonopoli warga asing biarpun penguatkuasaan dilakukan, dipercayai kerana dilindungi 'tangan ghaib' yang disyaki turut membocorkan maklumat operasi dirancang pihak berkuasa.

Ahmad Khusairi mengesahkan, dua operasi khas diatur di sekitar ibu negara bagi membanteras rasuah memberi dan menerima membabitkan pemilik premis dan penguat kuasa.



## BERITA HARIAN

17.07.2024

(RABU)

**Kuala Lumpur:** Penguat kuasa seolah-olah dilibat bermain wayang dan tidak bersungguh dalam tindakan terhadap premis perniagaan yang dijalankan warga asing.

Risikan yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selama lebih enam bulan mendedahkan, pelbagai kegiatan haram di bandar besar turut dilindungi oleh pihak berkuasa.

Ia turut membabitkan perniagaan berskala kecil seperti lesen penjaja dan kedai yang kini dimonopoli oleh warga asing.

Menerusi risikan dijalankan juga, SPRM mendapati bahawa terdapat pemilik lesen warga tempatan yang menyewakan tapak dan lesen perniagaan mereka kepada warga asing.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya berkata, penguat kua-

## Pelbagai kegiatan haram di bandar besar dilindungi pihak berkuasa: SPRM

sa ditawarkan suapan rasuah secara bulanan bagi melindungi dan tidak mengambil tindakan ke atas premis yang menggunakan 'Lesen Ali Baba' ini.

Mengambil contoh Pasar Kuala Lumpur, katanya, biarpun tindakan penguatkuasaan telah dibuat beberapa kali, namun warga asing tetap memonopoli kawasan terbabit.

"Semuanya kerana ada tangan-tangan ghaib yang melindungi dan membocorkan maklumat-maklumat operasi kepada mereka.

"SPRM telah menjalankan risikan sulit bagi mendedahkan penglibatan penguat kuasa dalam melindungi aktiviti penjaja haram ini di sekitar ibu negara.

"Pendedahan mengenai



SIASATAN SPRM mendapati ada penguat kuasa ditawarkan suapan secara bulanan bagi melindungi dan tidak mengambil tindakan ke atas premis menggunakan 'Lesen Ali Baba'.

isu pemberian dan penerimaan rasuah melibatkan pemilik premis kepada penguat kuasa ini akan dibuat menerusi dua operasi khas di dua lokasi sekitar

Kuala Lumpur," katanya kepada Harian Metro.

Ahmad Khusairi berkata, operasi ini akan menjadi kajian kes untuk membuktikan kepada pihak ber-

tanggungjawab bahawa wujud amalan rasuah dan perlindungan dalam aktiviti peniaga haram ini.

Katanya, SPRM mempunyai kekuatan dan bajet terhad untuk memantau dan bertindak ke atas aktiviti haram yang berlaku, namun berharap menerusi pendedahan seumpama itu, pihak berkuasa khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengambil langkah drastik.

"SPRM dijangkakan akan menahan berbelas orang termasuk warga asing, pemegang lesen warga tempatan dan anggota-anggota penguat kuasa yang terlibat dalam kegiatan melindungi aktiviti ini," katanya.

Sebelum ini, Harian Me-

tro menerusi muka depan pada 7 Jun lalu secara eksklusif mendedahkan warga asing mendominasi perniagaan di Lembah Klang dengan berselindung di sebaliknya lesen milik warga tempatan.

Sumber mendedahkan, peniaga warga asing sanggup membayar sewa lesen perniagaan milik warga tempatan sehingga RM5,000 sebulan.

"Itu antara pelaburan besar dilakukan peniaga ini yang mempunyai sumber kewangan daripada komuniti warga asing atau 'dana gelap' bagi menguasai perniagaan di sesebuah lokasi berpotensi.

"Usaha mereka menjadi mudah apabila dilindungi warga tempatan yang membenarkan nama mereka digunakan dalam lesen, selain mengaku sebagai pemilik kedai jika diserbu pihak berkuasa," katanya.



# HARIAN METRO

17.07.2024

(RABU)

## Suami isteri direman enam hari kes salah guna jawatan

**KUALA TERENGGANU** - Pasangan suami isteri direman enam hari di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa bagi membantu siasatan berhubung kes penyalahgunaan jawatan dalam sebuah agensi untuk mendapatkan projek pembekalan bernilai lebih RM200,000.

Majistret Noor Mazrinie Mahmood mengeluarkan perintah reman terhadap suami isteri yang berusia 30-an itu sehingga Ahad ini selepas membenarkan permohonan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut Sumber, SPRM Terengganu telah menahan lelaki terbabit di pejabatnya kira-kira jam 12 tengah hari pada Isnin manakala isterinya pula ditahan kira-kira jam 1 tengah hari di kediaman pasangan

berkenaan.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati pasangan itu dipercayai melakukan perbuatan berkenaan antara 2022 hingga 2023 melibatkan beberapa jenis kerja-kerja pembekalan berbeza.

Sumber itu memaklumkan SPRM Terengganu kini sedang meneliti kerja-kerja pembekalan lain yang diperolehi syarikat terbabit daripada agensi berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan pasangan suami isteri berkenaan.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009.



Suspek ketika tiba di Mahkamah Masjistret di Kuala Terengganu pada Selasa.



# SINAR HARIAN

17.07.2024

(RABU)

# SPRM tahan tiga individu kes rasuah RM12,072

Melaka: Tiga individu mem-babitkan pengurus dan pe-milik beberapa firma gua-man di Melaka serta Lem-bah Klang, direman lima dan enam hari bermula semalam kerana disyaki memberi suapan wang ber-jumlah RM12,072 kepada pegawai bank di sebuah in-stitusi kewangan di negeri ini.

Perintah reman itu dike-luarkan Majistret Sharda Sheinha Mohd Suleiman se-lepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pen-cegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pagi semalam, bagi melengkapkan siasatan kes itu.

Menurut sumber, keti-ga-tiga individu disyaki memberi suapan dalam membantu memberikan ru-jukan kes kepada firma guaman terbabit untuk urusan dokumentasi pinja-man hartanah daripada in-stitusi kewangan terbabit.

Katanya, mereka mem-babitkan dua lelaki dan seorang wanita berusia 41 dan 44 tahun ditahan kelmarin, antara jam 11 pagi hingga jam 2 petang di



Tiga suspek termasuk seorang wanita diiringi pegawai SPRM ke Mahkamah Majistret 4, Ayer Keroh bagi mendapatkan perintah reman. (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

pejabat SPRM Melaka bagi tujuan membantu siasatan yang sedang dijalankan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan ke atas ketiga-tiga suspek.

"Kes disiasat mengi-kut Seksyen 16 (b)(A) Akta

SPRM 2009.

"Majistret membenar-kan suspek pertama iaitu seorang lelaki dan seorang wanita, masing-masing ber-usia 41 tahun direman enam hari, manakala suspek keti-ga berumur 44 tahun dire-man lima hari bermula hari ini (semalam)," katanya.



## BERITA HARIAN

18.07.2024

(KHAMIS)

# 7 inisiatif perkasa tatakelola komitmen perangi rasuah

## Penggubalan RUU Kebebasan Maklumat, Perolehan Kerajaan tingkat kecekapan perkhidmatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Kebebasan Maklumat dan RUU Perolehan Kerajaan adalah antara tujuh inisiatif diperkenalkan kerajaan dalam usaha memperkasa tatakelola dan antirasuah bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan semalam memaklumkan penggubalan RUU Kebebasan Maklumat bertujuan memberi akses kepada rakyat untuk mendapatkan maklumat daripada badan awam dan kerajaan.

Langkah ini bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam dipertingkatkan melalui penyertaan rakyat dalam proses pembentukan dasar negara selaras dengan Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional (NACS).

Penggubalan RUU Perolehan Kerajaan pula bagi mewujudkan

mekanisme aduan dan bantahan selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memperkasa tatakelola perolehan kerajaan secara perundangan selaras dengan NACS.

Turut diumumkan penubuhan satu pasukan petugas khas oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bagi melaksanakan syor Jawatankuasa Kajian Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Menenal Pasti Cadangan Langkah Pencegahan.

Inisiatif lain adalah Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP); Arahan Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 berhubung Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan Kerajaan (CLBG).

Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pentadbiran dalam Urusan Kerajaan dan terakhir memperkenalkan undang-undang baharu untuk mengawal selia Badan Berkanun Persekutuan (BBP).

Semua inisiatif itu diputuskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini.

Menurut JKKTN, dasar dan inisiatif itu diperkenalkan bagi mengukuhkan tatakelola dan reformasi perundangan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

**Tubuh pasukan petugas khas** Pasukan petugas khas ditubuhkan EAIC pula bertujuan menambah baik aspek perundangan, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan infrastruktur untuk diteliti oleh entiti kawal selia masing-masing serta dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan di bawah bidang kuasa mereka.

Garis panduan mengenai Pengurusan dan Tatakelola BBP akan menggantikan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998.

"Garis panduan ini antara lain memperkukuh proses pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BBP, memperkasa peranan Audit Dalam, memperkukuh struktur dan komposisi keahlian Lembaga Pengarah serta mewujudkan Sistem Badan Berkanun (SBSys) sebagai mekanisme pengawalseliaan BBP," katanya.

Arahan Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 yang dikeluarkan pada 20 Mei 2024 bertujuan memberi panduan kepada Kementerian pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan dan tatakelola SBK dan CLBG.

Garis Panduan Pengendalian Sokongan oleh Anggota Pentadbiran dalam Urusan Kerajaan diperkenalkan mulai 21 Mei 2024 pula bagi memastikan surat sokongan tidak disalah guna bagi tujuan kepentingan peribadi.

"Ia juga sebagai peringatan

berhubung subseksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 iaitu larangan penggunaan jawatan atau kedudukan untuk apa-apa suapan sama ada kepentingan peribadinya, saudaranya atau sekutunya.

"Selain itu, perundangan baharu diperkenalkan bagi mengawal selia BBP dan syarikat di bawahnya bagi memperkukuh tatakelola badan berkenaan secara perundangan yang akan memberi penekanan berkaitan isu pinjaman, pelaburan dan penubuhan anak syarikat," katanya.

Menurut kenyataan itu, sejak peluncuran NACS pada 7 Mei lalu, kerajaan sudah memperkenalkan 60 substrategi nasional yang membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan dalam membanteras rasuah.

"Selaras dengan aspirasi nasional untuk membangun Malaysia MADANI, matlamat kita adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat terpelihara tanpa rasuah, selain menekankan pendidikan sebagai teras membudayakan nilai murni serta mengelak diri daripada terjebak dengan unsur rasuah," katanya.

Usaha itu dibuat dengan menambah baik pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) yang akan dilaksanakan di semua Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Berita Harian - 18/7/2024 - Khamis



# BERITA HARIAN

18.07.2024

(KHAMIS)



# HARIAN METRO

18.07.2024

(KHAMIS)



TIGA suspek termasuk seorang wanita diiringi pegawai SPRM ke Mahkamah Majistret 4, Ayer Keroh bagi mendapatkan perintah reman. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

## Rasuah pegawai bank RM12,072

Tiga individu kena reman 5 dan 6 hari

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

Melaka

**T**iga individu membabitkan pengurus dan pemilik beberapa firma guaman di Melaka serta Lembah Klang, direman lima dan enam hari sehingga 22 juga 21 Julai ini kerana disyaki memberi suapan wang kepada pegawai bank di sebuah institusi kewangan di negeri ini berjumlah RM12,072.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Sharada Sheinha Mohd Suleiman selepas dipohon Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, bagi melengkapkan siasatan kes itu.

Menurut sumber, ketiga-tiga individu disyaki memberi suapan dalam membantu memberikan rujukan kes kepada firma guaman terbabit untuk urusan dokumentasi pinjaman hartanah daripada institusi kewangan terbabit.

Katanya, dua lelaki dan seorang wanita berusia 41 dan 44 tahun itu ditahan kelmarin, antara jam 11 pagi hingga jam 2 petang di pejabat SPRM Melaka, bagi

membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan ke atas ketiga-tiga suspek.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 16 (b)(A) Akta SPRM 2009.

"Majistret membenarkan suspek pertama iaitu seorang lelaki dan seorang wanita, masing-masing berusia 41 tahun direman enam hari manakala suspek ketiga berumur

44 tahun direman lima bermula hari ini (semalam)," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 (b)(A) Akta SPRM 2009



# BERITA HARIAN

19.07.2024  
(JUMAAT)

Sindiket pasport terbang

## Tiga penguat kuasa direman enam hari

Suspek ditahan SPRM disyaki terima rasuah RM300,000

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Tiga penjawat awam direman enam hari berhubung siasatan sindiket 'pasport terbang' yang dibongkar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, kelmarin.

Perintah reman bermula hari ini hingga 24 Julai itu dikeluarkan Majistret Wan Farrah Fariza

Wan Ghazali ketika ketiga-tiga suspek dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan perintah berkeajaan, pagi semalam.

Permohonan reman dibuat Pegawai Penyiasat SPRM Sabah, Muzzammil Iqmal Mohd Markhaza dengan dibantu Pegawai Pendakwa SPRM Sabah, Norsham Saharom.

Dua daripada suspek masing-masing diwakili peguam Luqman Syazwan Zabidi dan Elhanan James, manakala seorang lagi belum diwakili peguam.

Difahamkan, ketiga-tiga suspek yang bertugas sebagai penguat kuasa sebuah jabatan kerajaan, ditahan SPRM Sabah ketika hadir memberi keterangan di pejabat agensi itu, petang kelmarin.

Penahanan suspek dibuat selepas risikan SPRM selama se-



Tiga anggota penguat kuasa dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BT)

bulan berkaitan sindiket pemalsuan pasport atau 'pasport terbang'.

### Bongkar kegiatan

Menurut sumber, risikan itu membongkar kegiatan sindiket berkeajaan yang dipercayai bergerak aktif sejak tahun lalu, membabitkan rasuah kira-kira

RM300,000 diterima penguat kuasa terbabit.

Katanya, ketiga-tiga suspek yang berusia antara 40 hingga 50 tahun itu dikatakan menerima habuan kira-kira RM3,000 daripada setiap pemohon.

Sindiket dipercayai sempat mengurus 'pasport terbang' untuk 100 pemohon dengan memalsu-

kan tandatangan dan memampulasi cap jari pemohon tanpa kehadiran mereka sebelum menyerahkan pasport yang sudah siap kepada orang tengah.

Pengarah SPRM Sabah, Datu S Karunanithy, yang mengesahkan penahanan itu kelmarin berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.





# BERITA HARIAN

19.07.2024

(JUMAAT)

## 6 didenda mengaku salah sogok penguat kuasa DBKL

**Kuala Lumpur:** Enam individu termasuk seorang warga asing didenda RM6,000 hingga RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan menyogok penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai balasan bagi melindungi aktiviti perniagaan warga asing yang menggunakan lesen Ali Baba di ibu negara.

Semua tertuduh iaitu Romzi Abidin, 53; Azhar Abu Bakar, 59; Idrus Muhammad, 38; K Punithan, 43; pemastautin tetap (PR) Jamaludin Asim, 58, dan pemilik restoran yang juga warga China, Teng Hui, 52, ditahan dalam Operasi Khas Op Star oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Di hadapan Hakim Suzana Hussin, tertuduh yang juga bekas tentera, Romzi didenda RM8,000 manakala dua lagi tertuduh Azhar dan Idrus masing-masing didenda RM6,000.

Sementara di hadapan Hakim Rozina Ayob, tiga lagi tertuduh iaitu Punithan dan Jamaludin Asim didenda RM8,000 manakala Teng Hui didenda RM10,000.

Semua tertuduh didenda selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang didakwa ke atas mereka.

Sekiranya enam tertuduh gagal membayar jumlah denda itu mereka boleh dipenjarakan antara tiga minggu dan tiga bulan.

Mengikut pertuduhan, keenam-enam tertuduh di-



Enam individu didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Elzairi Shamsudin/BH)

dakwa memberi rasuah kepada Mohd Zahaymie Zakaria yang juga Pembantu Penguatkuasa KP19 yang bertugas di Seksyen Integriti dan Standard DBKL.

Wang rasuah yang diberi antara RM200 hingga RM500 itu sebagai balasan dan dorongan untuk tidak mengambil tindakan sita di bawah kesalahan seksyen 101 (1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 terhadap premis iaitu atas kesalahan tidak mempunyai lesen perniagaan, menggaji pekerja warga asing dan tidak mempunyai permit sah bekerja bagi warga asing.

Semua kesalahan itu dilakukan di beberapa premis di Jalan Pudu dan Jalan Imbi di sini antara 18 Oktober 2022 hingga 18 Julai 2023.

Justeru, pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga

enam bulan atau denda atau kedua-duanya sekiranya disabitkan kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irna Julieza Maaras dan Pegawai Pendakwa SPRM Mohamad Ashraf Mustafa dan Afiqah Ab Razak memohon mahkamah mengenakan hukuman berat dengan mengambil kira keseriusan kes dan isu lesen Ali Baba.

Bagaimanapun semua tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon hukuman ringan dikenakan dengan alasan masing-masing mempunyai tanggungan keluarga.

Kelmarin, *Harian Metro* melaporkan SPRM menahan lima warga tempatan, dua warga asing dan seorang pemastautin tetap (PR) kerana disyaki menyogok penguat kuasa sebagai balasan bagi melindungi aktiviti perniagaan warga asing yang menggunakan lesen Ali Baba di ibu negara.

# Pegawai JPJ hadapi 40 tuduhan gagal lapor kesalahan rasuah

**Alor Setar:** Seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 40 pertuduhan gagal melaporkan kesalahan pemberian rasuah berjumlah keseluruhan RM42,100 yang berlaku antara 2016 hingga 2019.

Tertuduh, Mohamad Sobri Osman, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan selepas semua pertuduhan ke atasnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim, N Priscilla Hemamalini.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh sebagai Pegawai Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29 yang bertugas di JPJ Cawangan Kuala Ketil diberikan suapan berjumlah RM42,100 melalui akaun Maybank miliknya daripada Pengerus Pro-Star Transport Sdn Bhd, Saw Chee Leong antara 10 Mac 2016 hingga 8 Oktober 2019.

Suapan itu diberikan kepada tertuduh supaya tindakan tidak diambil ke atas lori milik Pro-Star Transport Sdn Bhd yang mungkin akan melakukan kesalahan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 25(1) Akta Pencegahan Ra-



Tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam. (Foto Ahmad Mukhsein Mukhtar/BH)

suah Malaysia (SPRM) 2009 kerana gagal melaporkan kesalahan pemberian berkenaan kepada pihak SPRM.

Jika sabit kesalahan, Mohamad Sobri boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM100,000 atau kedua-duanya sekali bagi setiap pertuduhan berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Zulfadli Azharudin, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamed Firdaus M Farouk.

Pihak pendakwaan kemudian meminta mahkamah menetapkan jaminan

RM40,000 dikenakan ke atas tertuduh dan perlu menyerahkan pasport antarabangnya serta melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan.

Priscilla kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM27,000 berserta seorang penjamin dan perlu menyerahkan pasport antarabangnya serta melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 22 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan penyerahan dokumen.

Tertuduh membayar wang jaminan berkenaan di kaunter Kompleks Mahkamah Alor Setar.



## BERITA HARIAN

19.07.2024

(JUMAAT)



# HARIAN METRO

19.07.2024  
(JUMAAT)



TIGA anggota penguat kuasa sebuah jabatan yang dikaitkan dengan sindiket 'pasport terbang' diiringi anggota SPRM selepas permohonan reman di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu. - Gambar NSTP/MOHD ADAM ARININ

## SINDIKET 'PASPORT TERBANG'

# 3 penjawat awam kena reman 6 hari

Oleh Izwan Abdullah  
am@hmetro.com.my

### Kota Kinabalu

**T**iga penjawat awam ditahan reman enam hari berhubung siasatan sindiket 'pasport terbang' yang dibongkar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah di sini, kelmarin.

Perintah reman hingga 24 Julai itu dikeluarkan Majistret Wan Farrah Fariza Wan Ghazali pagi semalam.

Permohonan perintah reman itu dibuat Pegawai Penyiasat SPRM Sabah Muzammil Iqmal Mohd Markhaza dengan dibantu Pegawai Pendakwa SPRM Sabah Norsham Saharom.

Ketika permohonan reman itu, dua suspek masing-masing diwakili peguam, Luqman Syazwan Zabidi dan Elhanan James, manakala seorang lagi belum ada peguam.

Difahamkan, ketiga-tiga suspek yang bertugas sebagai penguat kuasa di sebuah jabatan ditahan SPRM ketika hadir memberi keterangan di sini, petang

kelmarin.

Penahanan ketiga-tiga suspek dibuat selepas risikan dibuat SPRM selama sebulan berkaitan sindiket pemalsuan pasport atau pasport terbang.

Menurut sumber, risikan itu berjaya membongkar kegiatan sindiket berkenaan yang dipercayai bergerak aktif sejak tahun lalu, membabitkan wang rasuah kira-kira RM300,000 diterima penguat kuasa terbabit.

Katanya, tiga suspek yang berusia lingkungan 40 hingga 50 tahun itu dikatakan menerima habuan kira-kira RM3,000 daripada setiap seorang pemohon 'pasport' terbabit.

Sindiket itu dipercayai sempat mengurus pasport terbang untuk seramai 100 pemohon dengan memalsukan tandatangan dan memanipulasi cap jari pemohon tanpa kehadiran mereka sebelum menyerahkan pasport sudah siap kepada orang tengah.

Pengarah SPRM Sabah Datuk S Karunanithy yang mengesahkan tangkapan itu berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Dipercayai bergerak aktif sejak tahun lalu, babitkan wang rasuah kira-kira RM300,000

## GAGAL LAPOR KESALAHAN RASUAH

# Pegawai JPJ kena 40 pertuduhan

**Alor Setar:** Seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 40 pertuduhan gagal melaporkan kesalahan pemberian rasuah berjumlah keseluruhan RM42,100 yang berlaku antara 2016 hingga 2019 lalu.

Tertuduh Mohamad Sobri Osman, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan selepas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh sebagai Pegawai Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29 yang bertugas di JPJ Cawangan Kuala Ketil diberikan suapan berjumlah RM42,100 melalui akaun Maybank miliknya daripada Pengurus Pro-Star Transport Sdn Bhd, Saw Chee Leong an-

tara 10 Mac 2016 hingga 8 Oktober 2019.

Suapan itu diberikan kepada tertuduh supaya tindakan tidak diambil ke atas lori milik Pro-Star Transport Sdn Bhd yang mungkin akan melakukan kesalahan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 25(1) Akta Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 kerana gagal melaporkan kesalahan pemberian berkeenaan kepada pihak SPRM.

Jika sabit kesalahan, Mohamad Sobri boleh dijatuhkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM100,000 atau kedua-duanya sekali bagi setiap pertuduhan berkeenaan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Zulfadli Az-

harudin, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamed Firdaus M Farouk.

Pihak pendakwaan meminta mahkamah menetapkan jaminan RM40,000 dikenakan ke atas tertuduh dan perlu menyerahkan pasport antarabangsanya serta melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan.

Mohamed Firdaus dalam rayuannya meminta jaminan minimum berikutan anak guamnya perlu menyara isteri yang tidak bekerja dan dua anak berusia 12 dan 10 tahun yang masih bersekolah selain berhadapan kemungkinan digantung kerja selepas ini.

Priscilla kemudian membenarkan tertuduh dijamin sebanyak RM27,000 beserta seorang penjamin dan perlu menyerahkan pasport antarabangsanya serta melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan.



# HARIAN METRO

19.07.2024

(JUMAAT)

## Bekas pengurus besar PPK nafi rasuah

**Ipoh:** Bekas pengurus besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas dakwaan rasuah dengan meluluskan baucar bayaran bagi pembelian tablet kepada syarikat dimiliki isterinya, empat tahun lalu.

Tertuduh, Faizee Wan Zulkifli, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sewaktu pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Ibrahim Osman.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu yang ketika kejadian adalah Pegawai Hal Ehwal Ekonomi Pegawai Ehwal Ekonomi, Gred E41 iaitu sebagai Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan Tambun, di sini.

Tertuduh didakwa meluluskan baucar bayaran kepada Syarikat WIA Management And Services bagi pembekalan komputer tablet Microsoft Surface Pro 7 berjumlah RM7,400 bertarikh 16 November 2020.

Susulan itu tertuduh dianggap mempunyai kepentingan berikutan Ruzlin Hafinaz Red-

zuan selaku pemilik WIA Management And Services adalah isterinya.

Perbuatan dilakukan tertuduh pada 16 November 2020 di Pejabat PPK Tambun Bandaraya Ipoh (TBI), di sini, dan dengan itu tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (AS-PRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta membenarkan syarat tambahan yang diminta untuk tertuduh melapor diri sebulan sekali di Pejabat SPRM sehingga kes selesai.



FAIZEE diiringi polis ke Mahkamah Sesyen Ipoh.



# HARIAN METRO

19.07.2024

(JUMAAT)



# SINAR HARIAN

19.07.2024

(JUMAAT)

## Bekas pengurus besar PPK tidak mengaku salah dapatkan suapan

**IPOH** - Seorang bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tambun Bandaraya Ipoh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh pada Khamis atas tuduhan menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan empat tahun lalu.

Tertuduh, Wan Khairul Faizee Wan Zukifli, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, perbuatan itu dilakukan di Pejabat PPK Tambun Bandaraya Ipoh di sini pada 16 November 2020.

Tertuduh didakwa menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan apabila meluluskan baucar bayaran kepada Syarikat WIA Management And Services milik isterinya bagi pembekalan satu unit komputer tablet Microsoft Surface Pro 7 berjumlah RM7,400 melalui invoice no: 201111 bertarikh 16 November 2020.

Perbuatan itu merupakan kesalahan di bawah Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah dan nilai suapan.

Pendakwaan yang dikendalikan pegawai pendakwa, Mohamad Pahmi Ahmad kemudiannya mencadangkan wang jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin selain perlu melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM.



Wan Khairul Faizee (kiri) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh pada Khamis atas tuduhan menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan empat tahun lalu.

Bagaimanapun peguam tertuduh, Raja Mohd Iskandar Zulkarnian Raja Abdul Malek meminta jumlah jaminan dikurangkan kepada RM10,000 atas alasan tertuduh perlu menyara lima anak dengan pendapatan RM4,500 sebulan.

Hakim Datuk Ibrahim kemudiannya menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan perlu melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM sehingga perbicaraan selesai.

Mahkamah menetapkan 20 Ogos depan sebagai sebutan semula kes dan serahan dokumen.



# HARIAN METRO

19.07.2024

(JUMAAT)

Oleh Suraya Roslan  
surayaroslan@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

**E**nam individu termasuk seorang warga asing didenda RM6,000 hingga RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan menyogok penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai balasan bagi melindungi aktiviti perniagaan warga asing yang menggunakan lesen Ali Baba di ibu negara.

Semua tertuduh iaitu Romzi Abidin, 53, Azhar Abu Bakar, 59, Idrus Muhammad, 38, K Punithan, 43; pemastautin tetap (PR) Jamaludin Asim, 58, dan pemilik restoran yang juga warga China, Teng Hui, 52, ditahan dalam Operasi Khas Op Star oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Di hadapan Hakim Suzana Hussin, tertuduh yang juga bekas tentera, Romzi didenda RM8,000 manakala dua lagi tertuduh Azhar dan Idrus masing-masing didenda RM6,000.

Sementara di hadapan Hakim Rozina Ayob, tiga lagi tertuduh iaitu Punithan dan Jamaludin Asim didenda RM8,000 manakala Teng Hui didenda RM10,000.

Semua tertuduh didenda selepas mereka mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang didakwa ke atas mereka.

Sekiranya enam tertuduh gagal membayar jumlah denda itu mereka boleh dipenjarakan antara tiga minggu dan tiga bulan.

Mengikut pertuduhan, keenam-enam tertuduh didakwa memberi rasuah kepada Mohd Zahaymie Zakaria yang juga Pembantu Penguatkuasa KP19 yang bertugas di Seksyen Integriti dan Standard DBKL.

Wang rasuah yang diberi antara RM200 hingga RM500 itu sebagai balasan



ENAM individu dibawa pegawai SPRM untuk didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

**LESEN ALI BABA**

## Enam didenda sogok penguat kuasa DBKL

dan dorongan untuk tidak mengambil tindakan sita di bawah kesalahan seksyen 101 (1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 terhadap premis iaitu atas kesalahan tidak mempunyai lesen perniagaan, mengagiji pekerja warga asing dan tidak mempunyai permit sah bekerja bagi warga asing.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di beberapa premis di Jalan Pudu dan Jalan Imbi di sini antara 18 Oktober 2022 hingga 18 Julai 2023.

Justeru, pendakwa di kemukakan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda atau kedua-duanya sekiranya disabitkan kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irna Julieza

Maaras dan Pegawai Pendakwa SPRM Mohamad Ashraf Mustafa dan Afqah Ab Razak memohon mahkamah mengenakan hukuman berat dengan mengambil kira keseriusan kes dan isu lesen Ali Baba.

Bagaimanapun semua tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon hukuman ringan dikenakan dengan alasan masing-masing mempunyai tanggungan keluarga.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan SPRM menahan lima warga tempatan, dua warga asing dan seorang pemastautin tetap (PR) kerana disyaki menyogok penguat kuasa sebagai balasan bagi melindungi aktiviti perniagaan warga asing yang menggunakan lesen Ali Baba di ibu negara.

Kesemua suspek membatik enam lelaki dan

dua wanita berusia lingkungan 30 hingga 50-an ditahan dalam operasi khas Op Star dijalankan SPRM yang turut menda-pat kerjasama daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Operasi selama tiga jam bermula 11.30 pagi itu diadakan bersama pegawai dan anggota SPRM Kuala Lumpur serta DBKL yang turut mengeluarkan kompaun atas kesalahan dilakukan premis diperiksa.

Tindakan diambil susulan pendedahan eksklusif Harian Metro bermula 7 Jun lalu di muka depan bertajuk Wang Ekspres dan satu lagi Ali Baba kebal yang disiarkan pada 16 Julai lalu mendedahkan warga asing mendominasi perniagaan di Lembah Klang dan berselindung di sebalik lesen warga tempatan.

# Bekas MB Perlis terima dua cek lebih RM400,000

Saksi sahkan jumlah dimasukkan dalam akaun atas nama Azlan

Oleh Suraya Ali  
suraya.ali@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Sesyen, di sini semalam diberitahu bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man, menerima dua cek berjumlah RM404,990.90 ke dalam akaun Maybank miliknya daripada syarikat pelancongan antara 2014 hingga 2015.

Penolong Pengurus Cawangan Maybank Wisma FGV, Hasimah Hassim, 54, berkata cek pertama sebanyak RM208,339.90 diterima daripada Sri Kedawang Travel & Tours (W) Sdn Bhd pada 19 Februari 2014, manakala cek kedua (RM196,651) juga daripada syarikat sama bertarikh 9 Februari 2015.

Saksi ketiga pendakwaan itu turut mengesahkan sudah dirujuk set salinan Borang Pembukaan Akaun Maybank atas nama Azlan, dengan jenis akaun adalah akaun semasa persendirian yang dibuka pada 1985.

"Berdasarkan dokumen ini, saya sahkan akaun ini dibuka pada 25 Oktober 1985 di Cawangan Tuanku Abdul Rahman dan alamat yang didaftarkan adalah Kediaman Rasmi Menteri Besar Perlis, Jalan Tun Abdul Razak, 01000, Kangar, Perlis.

"Saya sahkan penandatanganan bagi akaun ini adalah Azlan sen-

diri," katanya ketika membaca pernyataan saksi pada hari kedua perbicaraan kes bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bintong itu atas 10 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu dan menerima hasil daripada aktiviti haram.

Bagaimanapun ketika disoal balas oleh peguam Burhanudeen Abdul Wahid yang mewakili terduduh, Hasimah bersetuju dokumen yang diberikan itu bukan dokumen asal.

Beliau berkata demikian selepas Burhanudeen mencadangkan dokumen pembukaan akaun yang diserahkan bukan dokumen asal kerana menurut dokumen terbabit, Azlan menetap di alamat kediaman rasmi Menteri Besar Perlis pada 1985 ketika akaun dibuka sedangkan pada waktu itu, Azlan belum memegang jawatan Menteri Besar Perlis.

Hasimah berkata, sejak pembukaan akaun itu pada 1985, pihak bank tidak mempunyai dokumen pertukaran alamat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Noralis Mat, Zander Lim Wai Keong, Haresh Prakash Somiah dan Mohammad Shaiful Nasir.

#### Maksud bukan dokumen asal

Sementara itu, ketika menjawab pertanyaan Mohammad Shaiful yang meminta beliau menjelaskan apa dimaksudkannya dengan 'bukan dokumen asal' pula, Hasimah berkata, borang pembukaan akaun yang asal tidak ada.

"Apa yang ada ialah maklumat pembukaan akaun cetakan komputer daripada sistem Maybank," katanya.

Hasimah berkata, dokumen yang dikemukakan bukan dokumen asal pada 1985 tetapi ia ada



Azlan (kiri) ketika hadir di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

lah borang pembukaan akaun yang sah.

Hakim Mahkamah Sesyen Azura Alwi menetapkan 1 Ogos depan untuk sambung bicara.

Sementara itu, Azlan, 65, berdepan lima pertuduhan berkaitan tuntutan palsu bagi kemudahan cuti sebarang laut berjumlah lebih RM1.18 juta yang didakwa dilakukan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Dewan Undangan Negeri, Persiaran Wawasan, Kangar antara Disember 2013 dan Disember 2017.

Ia membabitkan sebut harga tiket penerbangan ke London, United Kingdom dan invoice syarikat pelancongan Sri Kedawang Travel & Tours (W) Sdn Bhd serta Aidi Travel & Tours Sdn Bhd.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24(2) akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Azlan juga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas lima pertuduhan menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM1.06 juta antara 19 Februari 2014 dan Disember 2017 di Maybank Cawangan Jalan Tuanku Abdul Rahman, CIMB Bank cawangan Putrajaya serta Hotel Sheraton Imperial, di sini antara 19 Februari 2014 dan Disember 2017.



## BERITA HARIAN

20.07.2024

(SABTU)





# SINAR HARIAN

22.07.2024

(ISNIN)

## Beri suapan RM250 kepada polis, warga Myanmar didenda RM5,000

**KUALA TERENGGANU** - Seorang lelaki warga Myanmar didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad selepas mengaku bersalah memberi suapan RM250 kepada seorang anggota polis.

Tertuduh, Mohammad Shakir Mohamad Zokoria, 27, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim, Norashima Khalid.

Selain hukuman denda, tertuduh juga berdepan hukuman penjara selama enam bulan sekiranya gagal membayar denda terbabit.

Tertuduh sebelum itu berdepan dengan satu pertuduhan di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.

Dia ditawarkan satu pertuduhan pili-

han di bawah Seksyen 214 Kanun Keseksaan kerana secara rasuah telah memberikan suapan wang tunai berjumlah RM250 kepada seorang pegawai polis berpangkat Inspektor.

Ia sebagai dorongan untuk melepaskan dirinya daripada ditahan kerana melakukan kesalahan tidak memiliki lesen perniagaan barangan lusuh.

Kesalahan tersebut didakwa dilakukan di tepi jalan Balai Besar Alor Tempoyak, Dungun sekitar jam 3.15 petang pada 15 Julai lalu.

Tertuduh dilepaskan selepas selesai membayar denda RM5,000 tersebut.

Selain itu, mahkamah turut membenarkan wang rasuah berjumlah RM250 itu dilucut hak kepada kerajaan Malaysia di bawah Seksyen 40(1) ASPRM 2009.



Tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Ahad atas dakwaan memberi suapan kepada seorang anggota polis pada 15 Julai lalu.



# HARIAN METRO

22.07.2024

(ISNIN)

**Kuala Lumpur:** Unsur rasuah dalam aktiviti pelacuran perlu disiasat dan pelaku perlu ditangkap dan didakwa oleh pihak berwajib seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Itu penegasan Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia (PUM) Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Abdullah berhubung isu lubuk pelacuran lama malah tertua di ibu negara seperti di kawasan Pudu yang dibongkar semula Harian Metro.

Mohamad berkata, dalam hadis riwayat Ahmad, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, Allah SWT melaknat orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah serta orang yang memberikan jalan terhadap kedua-duanya.

"Berdasarkan dalil, jelas membuktikan Islam melarang perbuatan keji rasuah. Kutukan itu bukan saja terbatas kepada penerima, malah pemberi dan sesiapa

## SUSULAN HANYIR LUBUK DOSA

### Siasat unsur rasuah, tangkap dan dakwa pelaku

juga yang bersubahat melicinkan kegiatan rasuah.

"Sepatutnya menjadi iktibar dan amaran kepada umat akhir zaman bahawa rasuah dan persoalan kerakusan terhadap harta adalah cabaran paling utama umat Islam.

"Persoalan rasuah menjadi isu di mana-mana dan memberi kesan kepada semua orang. Ia menjadi cabaran terbesar kepada kerajaan dan negara," katanya.

Muhammad berkata, rasuah adalah penghalang utama kepada setiap perancangan pembangunan mana-mana kerajaan di muka bumi hari ini.

Mengulas lanjut elemen rasuah dalam kegiatan persundalan, beliau berkata, aktiviti maksiat seperti pelacuran perlu di-



banteras dengan kerjasama semua pihak.

"Paling penting tindakan

ras sudah pun ada," katanya.

Terdahulu, isu lubuk pelacuran di kawasan Pudu dibongkar Harian Metro turut mendapat perhatian Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim percaya wujudnya elemen rasuah berkaitan isu lubuk pelacuran di ibu negara yang masih tidak selesai sejak sekian lama.

Dalam isu pelacuran di Kuala Lumpur, Anwar yakin SPRM akan melakukan siasatan membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Perdana Menteri berkata, demikian baru-baru ini ketika diajukan soalan oleh Skuad Khas Harian Metro mengenai isu lubuk kegiatan pelacuran di ibu negara yang sudah berdekad lamanya wujud dan tidak selesai dihapuskan sedang-

tegas perlu dilaksanakan sebab undang-undang

lengkap untuk membante-

kan Indonesia berjaya menutup Dolly iaitu pusat persundalan terbesar Asia Tenggara terletak di Surabaya.

Harian Metro pada 22 Jun lalu menerusi laporan eksklusif bertajuk 'Hanyir Lubuk Dosa' mendedahkan lubuk kegiatan pelacuran tertua sekitar Pudu termasuk pelacur yang bersepeh mencari pelanggan di sebuah medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong diserbu.

Polis menyerbu medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong serta menahan 27 individu termasuk pelayan pelanggan (GRO) dan pelacur.

Serbuan dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7) Jabatan Siasatan Jenayah-(JSJ) Bukit Aman itu hasil pendedahan eksklusif Harian Metro sebelumnya berkaitan kegiatan medan selera menawarkan khidmat seks se- rendah RM100.

# Koperal didakwa rasuah

Mengaku tidak bersalah  
minta, terima suapan kes  
berkait dadah

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ  
WAN MANSOR  
ALOR SETAR

Seorang anggota polis berpangkat koperal dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah sebagai dorongan untuk tidak melaporkan penahanan individu yang disyaki memiliki dadah, dua tahun lalu.

Tertuduh, Sazali Lokhman, 32, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan bagi ketiga-tiga pertuduhan selepas dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim, N Priscilla Hemamalini pada Isnin.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa meminta rasuah RM40,000 daripada seorang wanita berusia 26 tahun.

Pertuduhan kedua pula, anggota po-

lis itu didakwa bersetuju menerima RM10,000 daripada wanita yang sama.

Kedua-dua kesalahan dilakukan di dalam sebuah kereta pada 29 November 2022 di Plot Blackwood, Jalan Industri Darulaman 1, Zon Perindustrian Bandar Darul Aman di Kubang Pasu pada jam 2 petang.

Bagi pertuduhan ketiga, Sazali didakwa memperoleh RM9,000 secara rasuah daripada seorang lelaki berusia 30 tahun di Lot 5719, Jalan Langgar di Alor Setar pada 30 November 2022, jam 9 malam.

Ketiga-tiga kesalahan tersebut dilakukan tertuduh yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu sebagai dorongan untuk tidak melaporkan penahanan seorang pesalah dadah berusia 29 tahun.

Kesemua pertuduhan didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi apabila disabitkan.

Kes dikendalikan pegawai pen-



Tertuduh dibawa pegawai SPRM untuk membayar ikat jamin selepas dituduh di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Isnin.

dakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Zulfadli Azharudin, manakala tertuduh diwakili peguam Muhamad Samsul Nizam Sohimi.

Mahkamah kemudiannya membenarkan Sazali diikat jamin sebanyak RM20,000 bagi semua pertuduhan dan menetapkan 18 Ogos untuk sebutan semula kes.



**SINAR HARIAN**

**23.07.2024**

**(SELASA)**

ANGGOTA POLIS MENGAKU TIDAK BERSALAH

# Rasuah bagi ringan seksyen kesalahan

Alor Setar

Seorang anggota polis berpangkat kopersal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah, dua tahun lalu.

Sazali Lokhman, 32, membuat pengakuan itu selepas ketiga-tiga pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Tertuduh yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak itu didakwa melakukan ketiga-tiga kesalahan tersebut sebagai dorongan untuk membantu menurunkan seksyen kesalahan seorang

lelaki berusia 29 tahun yang ditangkap polis di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa meminta suapan RM40,000 daripada seorang wanita berusia 26 tahun bertempat di Jalan Industri Darulaman 1, Kawasan Perusahaan Bandar Darul Aman, Kubang Pasu pada lebih kurang 2 petang, 29 Nov 2022.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa secara rasuah menerima suapan RM10,000 daripada wanita berkenaan di dalam sebuah kereta di lokasi dan masa yang sama.

Sementara bagi pertuduhan ketiga, lelaki itu di-

dakwa secara rasuah menerima suapan RM9,000 daripada seorang lelaki berusia 30 tahun di hadapan sebuah premis di Jalan Langgar di sini pada 9 malam, 30 November 2022.

Ketiga-tiga pertuduhan itu dibuat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, pihak pendakwa memohon mah-

kamah mengenakan jaminan sebanyak RM60,000 bagi kesemua pertuduhan sebelum peguam yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan minimum memandangkan tertuduh hanya memperoleh pendapatan bersih sekitar RM1,500 sebulan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 18 Ogos ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Mohd Zulfadli Azharudin manakala Sazali diwakili peguam Muhammad Samsul Nizam Sohimi.



# HARIAN METRO

23.07.2024

(SELASA)



MAHKAMAH Sesyen Kemaman, semalam mengarahkan seorang wanita yang dituduh mencederakan anaknya pada 13 Julai lepas untuk menjalani pemeriksaan mental. Keputusan itu dibuat Hakim Wan Suhaila Mohd ke atas Norulhuda Sofia Muda, 26, yang sebelum itu mengaku bersalah sebanyak dua kali namun ditolak mahkamah selepas membuat penilaian awal terhadap keadaan suspek sepanjang prosiding berlangsung.



# SINAR HARIAN

24.07.2024

(RABU)

## Rasuah: Dua penjawat awam direman enam hari

**KOTA BHARU** - Dua penjawat awam direman selama enam hari bagi membantu siasatan kes menerima rasuah sebanyak RM10,000.

Perintah reman sehingga Ahad depan itu dikeluarkan oleh Majistret Ahmad Syafiq Aizat Nazri terhadap pegawai dan pembantu am sebuah

agensi kerajaan negeri di Tanah Merah yang masing-masing berusia 33 dan 49 tahun.

Permohonan reman itu dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan dijalankan di bawah Seksyen

17(a) Akta SPRM 2009.

Pada Isnin, SPRM Kelantan menahan dua penjawat awam pada jam 4.30 petang selepas mengambil keterangan mereka di ibu pejabat SPRM negeri kerana disyaki menerima rasuah sebanyak RM10,000. - *Bernama*



FOTO: BERNAMA

Dua penjawat awam direman selama enam hari di Mahkamah Majistret Kota Bharu pada Selasa.



# HARIAN METRO

24.07.2024

(RABU)



DUA penjawat awam direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah di Tanah Merah. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

## DISYAKI TERIMA RASUAH RM10,000

### *Dua penjawat awam direman 6 hari*

**Kota Bharu:** Dua penjawat awam direman selama enam hari sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah sebanyak RM10,000.

Perintah tahanan reman

bermula semalam terhadap suspek berusia 33 dan 49 tahun itu dikeluarkan Majistret Ahmad Syafiq Aizat Nazri.

Ia bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Kelmarin, media melaporkan seorang pegawai dan pembantu am ditahan

SPRM kerana disyaki menerima rasuah RM10,000.

Kedua-dua suspek berkenaan ditahan di Tanah Merah selepas selesai memberi keterangan pada 4.30 petang.

Bantu siasatan kes terima  
suapan bulanan hampir  
RM12,000

Oleh HISYAMUDDIN AYUB  
KUALA LUMPUR

# Lindungi premis haram: 7 penguat kuasa PBT direman

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur menahan reman tujuh penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) pada Selasa kerana dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan hampir RM12,000.

Sumber berkata, mereka yang ditahan menerima suapan daripada premis perniagaan yang beroperasi menggunakan lesen ali baba di ibu negara.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia 30 hingga 40-an telah ditahan di sekitar ibu negara antara jam 8.30 hingga jam 11 pagi Isnin menerusi operasi khas Op Orange dijalankan SPRM Kuala Lumpur.

Susulan penahanan itu katanya, Majistret Amira Abd Aziz membenarkan lima anggota penguat kuasa itu direman selama lima hari sehingga Sabtu ini sementara dua lagi anggota penguat kuasa direman selama tujuh hari sehingga Isnin depan.

Menurutnya, permohonan reman itu dibuat oleh SPRM di Mahkamah Majistret

Kuala Lumpur pada Selasa.

"Menerusi risikan dijalankan SPRM sejak enam bulan lalu, kesemua penguat kuasa yang ditahan ini disyaki telah melindungi premis-premis haram.

**Mahkamah  
& Jenayah**

"Mereka dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan antara RM200 hingga RM1,000 daripada pemilik dan penjaga premis berkenaan," katanya pada Selasa.

Tambahnya, wang rasuah yang diterima sebagai balasan kerana tidak mengambil tindakan penguatkuasaan kepada premis-premis berkenaan yang menggunakan lesen ali baba.

Selain itu menurutnya, kesalahan lain dilakukan oleh pemilik premis adalah menggajikan warga asing sebagai pekerja dan beroperasi menggunakan lesen yang berbeza.

Katanya lagi, susulan tangkapan terhadap kesemua suspek, SPRM turut menyita wang tunai kira-kira RM40,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek dan kes disiasat di bawah



Seramai tujuh penguat kuasa PBT ditahan direman SPRM setelah mendapat kelulusan daripada Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada Selasa.

Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, seorang suspek telah dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan.



# SINAR HARIAN

24.07.2024

(RABU)

## Tak mengaku terima suapan wang RM2,700

**Melaka:** Penolong Pegawai Tadbir Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam atas dua pertuduhan menerima suapan wang bernilai RM2,700 daripada sebuah pengurus sebuah syarikat pengiklanan.

Prosiding kes itu dide-ngar Hakim Elesabet Paya Wan, manakala pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Suruhan-jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali.

Tertuduh, Muhammad Firdaus Ab Aziz, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta di-bicarakan atas kedua-dua pertuduhan.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh sebagai seorang penjawat awam iaitu Penolong Pegawai Tadbir (Kompetensi) Gred N29 yang bertugas di MBMB didakwa menerima untuk dirinya wang tunai berjumlah RM2,200 tanpa balasan pengurus Syarikat Pusat Pengiklanan Prisma, Ong Ah Siong dengan mengetahui penama dan syarikat berkenaan mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Pertuduhan kedua, tertuduh didakwa mengulang-angi kesalahan itu dengan

menerima wang tunai sebanyak RM500 daripada Ah Siong tanpa balasan melalui anak penama, Ong Wei Yin dengan mengetahui perkara itu ada hubungan dengan kerja rasminya di MBMB.

Kesalahan itu didakwa di Melaka Tengah, masing-masing pada 27 Oktober 2021 dan antara 15 hingga 31 Januari 2023.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, pendakwaan menawarkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan melaporkan diri di Pejabat SPRM Melaka sekali sebulan dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Selepas meneliti rayuan tertuduh yang tidak diwakili peguam untuk mengurangkan jumlah jaminan, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM4,000 dengan seorang penjamin berserta syarat seperti dipohon pendakwaan.

Kes kemudiannya ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen dan lantikan peguam pada 14 Ogos depan.



MUHAMMAD Firdaus didakwa atas dua pertuduhan menerima suapan wang di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.



# HARIAN METRO

25.07.2024

(KHAMIS)



## Profesor seleweng dana RM270,000 direman

**KUALA LUMPUR** - Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat perkhidmatan pendidikan tinggi bergelar profesor ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyeleweng dana syarikat berjumlah RM270,000.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 60-an itu ditahan jam 7 malam Selasa ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Sumber itu berkata, susulan penahanan terbabit, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu dan perintah reman selama tujuh hari sehingga 30 Julai telah dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai menggunakan wang berjumlah kira-kira RM270,000 untuk kegunaan peribadi termasuk membayar hutang dan membeli kereta serta perbelanjaan peribadi lain.

"Suspek juga disyaki mengarahkan kakitangan syarikat



CEO syarikat perkhidmatan pendidikan tinggi ditahan SPRM kerana seleweng RM270,000 untuk kepentingan peribadi.

menyediakan surat untuk bayaran gaji RM12,000 sebulan sejak Mac 2023 sedangkan surat pelantikan suspek sebagai CEO hanya melayakkannya menerima lima peratus daripada keuntungan tahunan syarikat," katanya.

Sementara itu Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan dan kes disiasat di bawah Akta SPRM 2009.



# SINAR HARIAN

25.07.2024

(KHAMIS)

# CEO direman disyaki seleweng dana RM270,000

**Kuala Lumpur:** Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) bergelar profesor di sebuah syarikat perkhidmatan pendidikan tinggi ditahan reman selepas dipercayai menyeleweng dana syarikat berjumlah RM270,000

untuk kepentingan peribadi. Perintah tahanan reman selama tujuh hari sehingga 30 Julai ini ke atas lelaki berusia lingkungan 60-an itu diterima selepas Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan

dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sumber berkata, suspek ditahan kira-kira jam 7 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, sebelum dia dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pagi semalam untuk mendapatkan perintah reman.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai menggunakan wang kira-kira RM270,000 untuk kegunaan peribadi, termasuk membayar hutang dan membeli kereta serta perbelanjaan peribadi lain.

"Suspek juga disyaki mengarahkan kakitangan syarikat menyediakan surat untuk bayaran gaji berjumlah kira-kira RM12,000 sebulan sejak Mac 2023, sedangkan surat pelantikannya sebagai CEO hanya melayakkannya menerima lima peratus daripada keuntungan tahunan syarikat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009.



Seorang CEO bergelar profesor di sebuah syarikat perkhidmatan pendidikan tinggi ditahan reman tujuh hari. (Foto ihsan SPRM)

## Ibadat & Fadilat

Sayidina Usman Affan RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Siapa membangun masjid kerana Allah, maka Allah membuatkan pula bagitya (rumah yang mulia) di syurga seperti masjid itu." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:59	1:28	4:50	7:39	8:53
Alor Setar	6:00	1:27	4:49	7:39	8:53
P. Pinang	6:01	1:27	4:50	7:38	8:52
Ipoh	6:00	1:25	4:48	7:34	8:48
Kuala Lumpur	6:00	1:23	4:45	7:30	8:44
Shah Alam	6:00	1:23	4:45	7:30	8:44
Johor Bahru	5:54	1:14	4:37	7:19	8:32
Kuantan	5:55	1:17	4:40	7:24	8:37
Seremban	6:00	1:21	4:44	7:28	8:41
Bandar Melaka	5:59	1:20	4:43	7:26	8:39
Kota Bharu	5:53	1:20	4:42	7:31	8:41
K. Terengganu	5:50	1:16	4:38	7:26	8:40
Kota Kinabalu	4:58	12:24	3:47	6:35	7:49
Kuching	5:29	12:49	4:12	6:54	8:07



# BERITA HARIAN

25.07.2024

(KHAMIS)



# HARIAN METRO

25.07.2024

(KHAMIS)

**Kuala Lumpur:** Tujuh penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) yang ditahan, dipercayai menerima rasuah bagi melindungi premis ali baba, direman selama lima dan tujuh hari.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Amira Abd Aziz yang membenarkan permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, kelmarin.

Lima anggota penguat kuasa direman selama lima hari sehingga 27 Julai sementara dua lagi anggota penguat kuasa direman selama tujuh hari sehingga 29 Julai.

Isnin lalu, media melaporkan lapan penguat kuasa PBT yang menjadi 'petualang' negara ditahan di sekitar Kuala Lumpur selepas disyaki menutup mata dan gagal mengambil tindakan terhadap premis menggunakan lesen ali baba serta menggajikan warga asing.

Namun seorang suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan, kata Pengarah SPRM Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Husin.

Beliau mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

SPRM Kuala Lumpur menahan semua individu berkenaan menerusi Op



TUJUH anggota penguat kuasa di ibu kota dibawa oleh SPRM ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur untuk direman, kelmarin.

## LINDUNGI PREMIS ALI BABA

# Tujuh penguat kuasa PBT direman

Orange susulan pendedahan eksklusif Harian Metro bermula 7 Jun lalu di muka depan bertajuk Wang Ekspres dan satu lagi Ali Baba kebal yang disiarkan pada 16 Julai lalu mendedahkan warga asing mendominasi perniagaan di Lembah Klang dan berselindung di sebalik lesen warga tempatan. Susulan tangka-

pan terhadap semua suspek, SPRM turut menyita wang tunai RM40,000.

Sebelum ini, SPRM dilaporkan melancarkan operasi besar-besaran bagi menahan anggota penguat kuasa di PBT yang melindungi premis perniagaan warga asing.

Seorang suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM

Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk

### INFO

● Sebelum ini, SPRM dilaporkan melancarkan operasi besar-besaran bagi menahan anggota penguat kuasa di PBT yang melindungi premis perniagaan warga asing

Seri Ahmad Khusairi Yahaya dilaporkan berkata, pihaknya akan menjalankan operasi di sekitar ibu negara.

Difahamkan, SPRM turut menyasarkan warga tempatan yang 'mengalibabakan' lesen perniagaan kepada warga asing.

## Kemuka dokumen palsu mohon RM40k

**Seremban:** Penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin, kerana disyaki mengemukakan dokumen palsu bagi permohonan bantuan berjumlah RM40,000.

Menurut sumber, suspek lelaki berumur 30-an itu ditahan pada jam 7.15 malam ketika hadir di Pejabat SPRM Negeri Sembilan, di sini.

"SPRM Negeri Sembilan menahan seorang penjawat awam kerana disyaki mengemukakan Borang Permohonan Bantuan kepada jabatan tempatnya bertugas.

"Ia dipercayai mengandungi butir matan yang palsu berjumlah kira-kira RM40,000. Perbuatan itu dipercayai dilakukan sekitar tahun 2012," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, susulan penahanan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Sivil, di sini, semalam, untuk permohonan perintah reman.

Katanya, Majistret Fairuz Syuhada Amran membenarkan suspek direman selama tujuh hari bermula semalam sehingga 30 Julai ini bagi membantu siasatan.



# HARIAN METRO

25.07.2024

(KHAMIS)



# BERITA HARIAN

27.07.2024

(SABTU)



## SPRM ada petunjuk baharu, buka semula kes kapal selam Scorpene

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menemui petunjuk baharu dalam siasatan pembelian kapal selam Scorpene daripada syarikat Perancis.

Sehubungan itu, difahamkan SPRM akan memulakan semula siasatan yang akan memfokuskan kepada beberapa petunjuk baharu berkenaan.

BH difahamkan, siasatan terbaharu itu akan menumpukan kepada penyelewengan RM42 juta, iaitu sebahagian daripada RM530 juta yang dibayar dalam kontrak pembekalan perkhidmatan sokongan dalam pembelian kapal selam terbabit.

Sumber berkata, sebuah syarikat juga sedang dalam pemerhatian SPRM.

"Sebuah syarikat tempatan yang dilantik dikatakan membuat pembayaran kepada beberapa syarikat tanpa pengetahuan Lembaga Pengarah.

"Dipercayai pembayaran dengan jumlah RM42 juta ini diseleweng kepada syarikat yang dimiliki oleh ahli keluarga pemilik syarikat terbabit," kata sumber itu.

BH turut dimaklumkan, SPRM akan memanggil beberapa orang saksi dalam siasatan itu.

"SPRM sudah mengenal pasti individu-individu yang terbabit dan mereka juga sudah dirakam percakapan sebelum

ini," katanya.

Ditanya mengenai siasatan kes Scorpene sebelum ini, sumber itu berkata, SPRM tidak pernah menutup siasatan itu.

"Siasatan diaktifkan semula berdasarkan penemuan baharu," katanya.

### Siasatan masih berjalan

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, pada April lalu berkata, siasatan pembelian kapal selam Scorpene oleh Malaysia pada 2002 masih berjalan hingga kini.

Katanya, hingga kini pihaknya masih berhubung dengan pihak di luar negara bagi mendapatkan maklumat.

"Kes masih berjalan yang mana kita sebenarnya masih berhubung dengan pihak-pihak luar negara bagi mendapatkan maklumat keterangan tentang beberapa

transaksi," katanya.

Pembelian kapal selam itu mencetuskan polemik pada 2010 dan turut terkait ialah seorang bekas Perdana Menteri.

Pada 2002, bekas Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan ketika itu menyelesaikan pembelian dua kapal selam jenis Scorpene dan satu kapal selam jenis Agosta daripada unit limbungan tentera laut Perancis, DCN (kini sebahagian daripada Thales), bernilai hampir STG1 bilion (AS\$1.17 bilion).



Azam Baki



# METRO AHAD

28.07.2024

(AHAD)

**Sandakan:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua beranak iaitu ibu dan anak perempuan kerana disyaki terbabit dalam pengeluaran pas lawatan IMM13.

Perintah reman tujuh hari sehingga 2 Ogos depan itu dikeluarkan Majistret Marilyn Kelvin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Sandakan di sini, semalam.

Sumber berkata, suspek pertama berusia 50-an dipercayai melakukan perbuatan itu bersama anak perempuannya yang berusia 30-an.

Mereka ditahan kira-kira jam 7 malam kelmarin ketika datang memberi kenyataan di pejabat SPRM Sandakan.

## PENGELUARAN PAS LAWATAN IMM13

### Dua beranak kena tahan

**“Kedua-dua ibu dan anak perempuan itu dipercayai bertindak sebagai orang tengah dalam menguruskan lanjutan permohonan pas lawatan IMM13 bagi pelarian dari Filipina yang mencari perlindungan di Sabah”**

*Sumber*

“Kedua-dua ibu dan anak perempuan itu dipercayai bertindak sebagai orang tengah dalam menguruskan lanjutan permohonan pas lawatan IMM13 bagi pelarian dari Filipina yang mencari perlindungan di Sabah akibat pergolakan pada awal 1970-an.

“Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek dipercayai terbabit dalam perbuatan itu sejak 2022 membabitkan nilai rasuah berjumlah kira-kira RM20,000,” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah Datuk S Karunanithy mengesahkan tangkapan itu, memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



# BERITA HARIAN

28.07.2024

(AHAD)



Dua beranak direman selama tujuh hari sehingga 2 Ogos depan. (Foto Ihsan SPRM)

## 2 beranak disyaki terbabit sindiket keluar pas lawatan

## Ibu, anak didakwa jadi orang tengah lindungi pelarian Filipina di Sabah

Oleh Juwan Riduan  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Seorang wanita dan anak perempuannya ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit sindiket pengeluaran pas lawatan IMM13 yang

dipercayai didalangi beberapa petugas sebuah agensi penguat kuasa di Sandakan.

Kedua-dua suspek berusia dalam lingkungan 50-an dan 30-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sandakan, kira-kira jam 7 malam, kelmarin.

### Reman tujuh hari

Sumber berkata, dua beranak itu disyaki bertindak sebagai orang tengah dalam menguruskan perlanjutan permohonan pas lawatan IMM13 kepada pelarian dari Filipina yang berselindung di Sabah akibat pergolakan sekitar awal 1970-an.

"Hasil siasatan awal juga mendapati kedua-dua suspek diper-

cayai melakukan perbuatan itu sejak 2022 dan membabitkan wang rasuah berjumlah kira-kira RM20,000," katanya.

Perintah reman selama tujuh hari hingga 2 Ogos depan terhadap dua beranak terbabit dikeluarkan Majistret Marilyn Kelvin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Sandakan, pagi semalam.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan lagi akan dibuat susulan penahanan berkenaan.



# BERITA HARIAN

30.07.2024

(SELASA)

## Kes rasuah Bung Moktar, Zizie Izette Rayuan ditangguh 9 Oktober

**Putrajaya:** Mahkamah semalam menangguhkan sebutan kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isterinya, Datin Seri Zizie Izette Abdul Samad, daripada tiga pertuduhan rasuah berjumlah RM2.8 juta berkaitan pelaburan FELCRA Bhd.

Ia susulan permohonan daripada Peguam Datuk K Kumaraendran yang mewakili Bung Moktar dan isterinya, memaklumkan seorang lagi peguam mereka, M Athimulan baru menjalani pembedahan jantung di Singapura.

Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How, berkata pihaknya tidak membantah penangguhan semalam, namun meminta tarikh yang paling awal.

Sementara itu, Kumaraendran berkata, pihaknya akan bersedia pada tarikh akan datang dan jika Athimulan masih belum pulih, beliau akan mengambil tugas mewakili kedua-dua anak guam mereka.

Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim membenarkan permohonan itu dan menetapkan 9 Oktober depan untuk sebutan kes.

Pada 7 September tahun lalu, Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan Bung Moktar, 65, dan Zizie Izette, 46, daripada tiga pertuduhan rasuah berjumlah RM2.8 juta membabitkan pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual Berhad.

Sebelum itu, pada 2 September 2022, Mahkamah Sesyen memerintahkan pasangan berkenaan membela diri atas tiga pertuduhan rasuah selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap mereka.

Bung Moktar didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM2.2 juta dan RM262,500 sebagai dorongan mendapatkan kelulusan FELCRA untuk membuat pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual.

Beliau dituduh menerima rasuah daripada Madhi menerusi Zizie Izette di Public Bank Cawangan Taman Melawati, di sini, antara jam 12.30 tengah hari dan jam 5 petang 12 Jun 2015.

Selain itu, Bung Moktar juga didakwa menerima suapan wang tunai RM337,500 daripada Norhaili bawah nama Zizie Izette atas sebab dan di tempat sama pada 19 Jun 2015.

Zizie Izette pula berdepan tiga pertuduhan bersubahat dengan suaminya berhubung perkara itu.



# Chegu Bard direman siasat dakwaan rasuah pegawai TLDM

**Kuala Lumpur:** Ahli Jawatankuasa Biro Penerangan BERSATU, Badrul Hisham Shaharin atau Chegu Bard direman dua hari bagi membantu siasatan dakwaannya berhubung isu rasuah membabitkan pegawai tertinggi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa yang mengesahkan penahanan itu berkata proses reman itu adalah prosedur biasa bagi membolehkan po-

lis menjalankan siasatan.

"Setakat ini, hanya satu laporan diterima berhubung isu itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 203A Kanun Keseksaan, Seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi 1972 serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Daerah Dang Wangi di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wa-

ngi di sini, semalam.

Berkaitan kes kehilangan pengasuh taska Nur Shafila Suaib, 20, sejak 15 Julai lalu, Rusdi berkata, wanita itu ada menghubungi keluarganya namun masih belum pulang ke rumah.

"Saya percaya ada sedikit perselisihan faham antara wanita itu dengan ahli keluarganya dan keluarganya mengesahkan bahawa dia (Nur Shafila) ada menghubungi keluarganya, namun arahan saya ada-

lah perlu berjumpa secara bersemuka.

"Bila menghubungi ini tidak cukup, sebab orang lain juga boleh menghubungi dan menyamar sebagai wanita terbabit. Kita perlu berjumpa secara bersemuka dan pastikan dia selamat serta sihat," katanya.

Beliau berkata, buat masa ini keberadaan Nur Shafila masih dalam siasatan dan kes itu boleh diklasifikasikan sebagai selesai selepas polis menjumpainya se-

cara fizikal.

Terdahulu, majlis serah terima tugas itu menyaksikan Timbalan Ketua Polis Daerah Dang Wangi Supt Nuzulan Mohd Din dilantik sebagai pemangku ketua polis daerah berkenaan menggantikan SAC Noor Dellhan Yahaya.

Noor Dellhan kini berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah (D4) Risikan/Operasi/Rekod Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman. BERNAMA



## BERITA HARIAN

30.07.2024

(SELASA)

# Sikap pasif masyarakat sukarkan SPRM bertindak perangi rasuah



Presiden  
Pemerhati Rasuah  
Malaysia (MCW)

Oleh Jais Abdul Karim  
bhrencana@bh.com.my

**Apabila** berbicara mengenai rasuah di Malaysia, fokus utama sering kali terarah kepada menteri, pegawai kerajaan dan pihak berkuasa mempunyai kuasa kelulusan atau penguatkuasaan.

Perhatian yang lebih dalam isu rasuah kepada sektor awam ini agak berasas, memandangkan banyak laporan media memaparkan kes rasuah membabitkan golongan ini.

Oleh kerana majoriti jawatan dalam sektor awam dipegang kaum Melayu dan Bumiputera, ia turut mencipta persepsi awam kononnya kaum Melayu 'pemakan rasuah' utama dan kurang integriti berbanding kaum lain.

Persepsi ini menimbulkan rasa kecewa dan tidak adil, terutama kepada masyarakat Melayu. Hakikatnya, tumpuan sering diberikan kepada rasuah dalam sektor awam dan dikaitkan dengan kaum Melayu, sedangkan rasuah turut bergelut dalam sektor swasta. Sebaliknya, ada negeri masih bergelut menangani isu rasuah dalam sektor swasta terutama dalam industri pembalakan dan kegiatan berkaitan sumber asli.

Ada juga rasuah bersarang dalam konflik berkaitan tanah adat walaupun sebuah ombudsman ditubuhkan untuk tujuan ini. Malangnya, ombudsman ini lebih menumpukan perhatian kepada sektor awam sahaja dan gagal memantau rasuah

dalam sektor swasta.

Perlu disedari, antara aspek penting Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) adalah Seksyen 25 iaitu kewajipan melaporkan transaksi rasuah.

## Gagal patuhi kewajipan

Malangnya, ramai pegawai awam gagal mematuhi kewajipan ini. Sekiranya laporan dibuat dengan lebih konsisten, penerima rasuah dapat dikenal pasti dan diambil tindakan.

Kurangnya penguatkuasaan Seksyen 25 ini membolehkan perbuatan menekan atau menyusahkan orang dengan kuasa dipegang untuk mendapatkan rasuah terus berleluasa.

Pada 2018, Akta SPRM 2009 dipinda untuk memasukkan Liabiliti Korporat, memberi SPRM senjata baharu memerangi rasuah dalam organisasi komersial atau swasta.

Seksyen 17A (Pindaan 2018) ini mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2020, namun dalam tempoh empat tahun selepas diwartakan, tidak banyak liputan media mengenai kes rasuah dalam sektor swasta berjaya ditumpaskan.

Di sini, dapat dilihat cabaran utama dalam memerangi rasuah adalah sikap dan mentaliti masyarakat. Banyak pihak lebih cenderung menyalahkan orang lain atau menunggu pihak berkuasa mengambil tindakan tanpa menyedari setiap individu mempunyai peranan dalam membanteras rasuah.

Sikap pasif ini menyukarkan usaha SPRM dan

agensi lain mempunyai kuasa memerangi rasuah. Tanpa maklumat dan keterangan mencukupi, usaha memerangi rasuah menjadi sukar.

Rasuah dalam sektor perbankan juga tidak boleh dipandang ringan. Pegawai bank mempunyai kuasa meluluskan pinjaman sering berada dalam kedudukan membolehkan mereka menekan pemohon pinjaman memberi rasuah.

Walaupun kes sebegini kurang mendapat liputan media, ia tetap berlaku dan memberi impak besar kepada ekonomi dan masyarakat. Bagi memerangi rasuah dengan lebih berkesan, sokongan komuniti amat penting.

Promosi dan kempen dilaksanakan agensi serta pertubuhan bebas dalam usaha pencegahan rasuah perlu disokong setiap lapisan masyarakat.

Rasuah di Malaysia adalah isu membabitkan pelbagai sektor dan kaum. Persepsi kononnya hanya kaum Melayu terbabit rasuah adalah tidak adil dan tepat. Sektor swasta juga mempunyai isu rasuah yang besar, walaupun kurang mendapat perhatian.

Untuk membanteras rasuah dengan berkesan, setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing, melaporkan kes rasuah, dan menyokong usaha SPRM dan agensi lain.

Dalam menghadapi cabaran ini, adalah penting untuk kita terus berjuang dan tidak berputus asa. Cegah rasuah demi masa depan lebih cerah dan bersih untuk Malaysia yang mencapai kemerdekaan ke-67.



## BERITA HARIAN

30.07.2024

(SELASA)

# JPJ rombak garis panduan lapuk, tangani isu integriti

Aedy Fadly Ramli



**Ketua Pengarah baharu tetapkan empat matlamat dalam visi tambah baik perkhidmatan**

Oleh Sariba Mohd Ali dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan merombak garis panduan lapuk, terutama berkait pelesenan pemandu dan kenderaan dalam usaha menambah baik mutu perkhidmatannya supaya lebih mesra pelanggan.

Penambahbaikan akan turut membabitkan perkhidmatan di kaunter bagi mengatasi isu lambakan dan kesesakan pengguna, selain menangani isu integriti pegawai, termasuk pengurusan

kanan dan anggota JPJ melalui arahan rombakan dan pertukaran.

Kajian terhadap garis panduan lapuk itu, termasuk yang sudah berusia lebih 40 tahun termaktub dalam visi penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan JPJ, menjadi satu daripada empat matlamat ditetapkan Ketua Pengarahnya, Aedy Fadly Ramli, yang dilantik ke jawatan itu berkuat kuasa 23 Julai lalu.

Dalam temu bual eksklusif bersama *BH*, Aedy Fadly berkata, garis panduan dalaman JPJ selepas ini akan bersifat lebih mesra pengguna, sekali gus memudahkan urusan orang ramai mendapatkan perkhidmatan disediakan.

"Antara lain, garis panduan yang akan dirombak membabitkan usaha memendekkan tempoh kelulusan permohonan kenderaan komersial oleh pengguna yang kini mengambil masa sehingga 60 hari," katanya.

Katanya, rombakan kelak tidak membabitkan dasar dibuat Kementerian Pengangkutan (MOT), sebaliknya hanya menyentuh prosedur operasi standard (SOP) pada peringkat dalaman JPJ bagi melaksanakan dasar dikeluarkan MOT.

"Banyak garis panduan akan dirombak dan diteliti untuk penambahbaikan ini. Ia membabitkan pelbagai peringkat, contohnya peringkat pelesenan pemandu dan pelesenan kenderaan. Langkah ini perlu kerana saya lihat ada garis panduan digunakan JPJ sekarang tidak pernah disemak sejak 1982.

"Masa sudah berubah dengan pelbagai pembaharuan wajar dilakukan. Jadi, kita tumpu usaha tambah baik SOP JPJ dengan melakukan rombakan garis panduan lama. Saya sudah minta pasukan senaraikan garis panduan lama untuk diteliti kerana kita mahu beri perkhidmatan terbaik kepada orang ramai," katanya.

## Tambah baik pendigitalan

Visi penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan JPJ juga mengandungi matlamat membabitkan kesinambungan agenda pendigitalan agensi itu, peningkatan imej dan integriti jabatan serta pematuhan dan kesedaran orang awam terhadap undang-undang jalan raya.

Bagi perkhidmatan di pejabat JPJ untuk atasi isu lambakan pengguna di kaunter, Aedy Fadly memaklumkan, sudah ada sistem janji temu dan nombor giliran bersepadu (JPJeQ), tetapi pihaknya masih menerima maklum balas daripada orang ramai yang mendakwa sistem itu tidak mesra pelanggan.

"Ada juga pihak tertentu mengambil kesempatan dan memanipulasi sistem JPJeQ dengan menempah nombor dalam jumlah banyak. Pasukan teknologi maklumat (IT) kami sudah dapat mengenal pasti pihak terbabit dan usaha sedang dilakukan bagi

mengatasi dan mengelakkan ia berulang," katanya.

Mengenai isu integriti, beliau berkata, pihaknya sudah keluaran arahan rombakan dan pertukaran mana-mana anggota dan pegawai, termasuk pada peringkat pengurusan kanan yang ada masalah berkaitan integriti atau didapati mencemarkan imej JPJ.

Arahan itu, katanya, dikeluarkan bagi memastikan semua anggota dan pegawai JPJ menjalankan tugas dan amanah dengan baik, sekali gus mengikut peraturan ditetapkan.

"Anggota bertugas di bahagian sensitif, termasuk penguatkuasaan selama tiga hingga lima tahun akan ditukar ke tempat lain, tetapi jika mereka terbabit dalam kes serius, pertukaran dibuat dalam tempoh 24 jam.

"Arahan itu dikeluarkan selaras kuasa diberi kepada Ketua Pengarah mengikut Subseksyen 3(2) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333)," katanya.



# BERITA HARIAN

31.07.2024

(RABU)



# HARIAN METRO

31.07.2024

(RABU)

## Disyaki buat tuntutan palsu RM200,000

**Tawau:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah menahan seorang pemilik syarikat kerana disyaki mengemukakan tuntutan mengandungi butir matan palsu, empat tahun lalu.

Perbuatan lelaki berumur 60-an itu dipercayai bagi tujuan mendapatkan sebut harga kerja baik pulih dan penyelenggaraan dua sekolah di sini, dianggarkan berjumlah kira-kira RM200,000.

Menurut sumber, lelaki berusia 60-an itu ditahan kira-kira jam 9 pagi kelmarin ketika hadir mem-

beri keterangan di Pejabat SPRM di sini

“Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada tahun 2020.

“Suspek disyaki menggunakan penyata akaun bank palsu bagi mendapatkan sebut harga kerja baik pulih dan penyelenggaraan dua sekolah di negeri ini di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE),” katanya.

Pengarah SPRM Sabah Datuk S Karunanithy mengesahkan tangkapan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan.